



LAPORAN TAHUNAN 2019

**MEMBINA SEMULA MALAYSIA
PUSAT GOVERNANS,
INTEGRITI & ANTI-RASUAH NASIONAL
JABATAN PERDANA MENTERI**

LAPORAN TAHUNAN | 2019



Pusat Governans,
Integriti &
Anti-Rasuah
Nasional

ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua
Pengarah GIACC

2

JKKMAR

28

Latar Belakang
Penuhuan

6

NACP

34

Fungsi dan
Peranan

9

Pemantauan Janji

44

Struktur
Organisasi

12

Aktiviti

70

Ringkasan
Eksekutif

21

Lagu Malaysia
Bersih

103



KHUTBAH TERAKHIR NABI MUHAMMAD
Ditulis dan disampaikan pada 9 H, 10 H, dan 11 H bulan Ramadhan tahun 10 Hijrah di Lembah Candi, Gunung Arafah.

Wahai manusia, inilah khutbah terakhir yang disampaikan oleh Rasulullah Muhammad SAW kepada umatnya. Setelah khutbah ini, Rasulullah SAW telah berpulang ke Rahmatullah. Oleh karena itu, khutbah ini merupakan khutbah terakhir yang disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya.

Wahai manusia, ingatlah bahwa Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kita tentang bagaimana cara hidup yang baik dan benar. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara beribadah kepada Allah SWT, bagaimana cara berinteraksi dengan sesama manusia, dan bagaimana cara menghadapi cobaan dan ujian. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara hidup yang sederhana dan jujur.

Wahai manusia, ingatlah bahwa Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan kasih sayang dan keadilan. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan kejujuran dan integritas. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan keteguhan dan keberanian.

Wahai manusia, ingatlah bahwa Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan ketulusan dan keikhlasan. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan ketakwaannya dan ketundukannya kepada Allah SWT. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan keteguhannya dan ketabahannya.

Wahai manusia, ingatlah bahwa Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan keteguhan dan ketabahan. Beliau telah mengajarkan kita tentang bagaimana cara hidup yang penuh dengan keteguhan dan ketabahan.



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada kerajaan khususnya kerana menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) pada 1 Jun 2018, khusus untuk menyelaras dan memantau semua aktiviti berkaitan governans, integriti dan antirasuah di negara ini. Saya melihat kewujudan GIACC merupakan tanggungjawab besar dalam menggerakkan halatuju dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dikenali kerana integritinya. GIACC mendukung penuh usaha kerajaan dalam pemantapan governans, integriti dan antirasuah melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR).

Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR). Jika pada tahun 2018 sebanyak 5 mesyuarat JKKMAR telah berjaya dilaksanakan, pada tahun 2019 JKKMAR turut bersidang sebanyak 5 kali dengan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri. Bagi memastikan hasrat kerajaan ini dapat dilaksanakan secara holistic dan menyeluruh, GIACC dengan kerjasama rakan strategik telah menterjemahkan hasrat membentuk Malaysia Bersih ini dalam sebuah pelan yang komprehensif iaitu Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP). NACP merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan sebagai panduan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Pelan ini dibuat dengan mengambilkira pandangan pemegangtaruh supaya ianya sejajar dengan strategi kerajaan mecapai visi yang dinyatakan.

Selaras dengan pelancaran NACP, pembentukan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Penilaian Risiko Rasuah (CRM) adalah diwajibkan untuk setiap organisasi di semua kementerian dan sektor awam untuk kawalan pencegahan rasuah yang efektif. Sejak Julai 2018 sehingga Disember 2019, GIACC turut terbabit dalam beberapa perkara penggubalan rang undang-undang serta merangka proses perisytiharan harta ahli Parlimen termasuk menyediakan usul perisytiharan tersebut di Parlimen. GIACC turut terlibat membantu agensi peneraju dalam merangka undang-undang yang merupakan salah satu dari inisiatif yang terdapat dalam NACP iaitu Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (IPCMC) dan Rang Undang-Undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 (NAFCC). Saya sedar masyarakat meletakkan satu harapan tinggi untuk melihat Malaysia menjadi sebuah negara yang bebas rasuah dan saya yakin ianya adalah tidak mustahil sekiranya inisiatif meningkatkan governans dan integriti dalam mengekang perbuatan rasuah serta salahguna kuasa ini dilaksanakan mengikut pelan yang telah diwujudkan. Bagaimanapun, semua pihak perlu terus berganding bahu bersama GIACC dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk melaksanakan 115 inisiatif yang telah digariskan di dalam NACP . Usaha generasi hari ini memutuskan rantai rasuah dan membentuk mekanisma governans yang kukuh akan membina integriti generasi masa hadapan.

Tan Sri Abu Kassim Mohamed
Ketua Pengarah
Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional
Jabatan Perdana Menteri



LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Pada 1 Jun 2018, Perdana Menteri Malaysia ke 7, Tun Dr Mahathir mengumumkan penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang bertujuan untuk menyelaraskan dan memantau semua aktiviti berkaitan tadbir urus, integriti dan anti-rasuah di negara ini.

Pusat ini dipertanggungjawabkan untuk merancang, menggubal strategi dan menilai polisi bagi memastikan semua urusan kerajaan dapat dilaksanakan berteraskan tadbir urus baik, integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah.

Bagi menggerakkan fungsi pusat ini selaras matlamatnya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed dilantik bagi menerajui GIACC atau pengalaman luas dalam bidang tadbir urus, integriti dan anti-rasuah sama ada di dalam dan luar negara.

Antara tugas GIACC yang digariskan adalah memastikan 21 janji berkaitan tadbir urus, integriti dan anti-rasuah yang dikenal pasti diberi tumpuan khusus untuk dilaksanakan dalam fasa-fasa tertentu.

GIACC turut dipertanggungjawabkan menjadi urus setia bersama bagi menyelaraskan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenal Anti-Rasuah yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK)

Bagi memudahkan perjalanan dalam menentukan halatuju negara bebas rasuah, pemantauan GIACC diletakkan secara terus di bawah Jabatan Perdana Menteri dan beroperasi di pejabat yang terletak di Bangunan Perdana Putra.



FUNGSI DAN PERANAN

- 1 Menasihati Kerajaan dalam aspek governans, intergriti dan anti-rasuah kepada pelbagai agensi pelaksana di sector kerajaan dan diperingkat antarabangsa.
- 2 Merancang strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di peringkat nasional contohnya Pelan Anti Rasuah Kebangsaan (NACP).
- 3 Menyelaraskan pelaksanaan inisiatif governans, integriti dan anti-rasuah oleh agensi pelaksana.
- 4 Memantau prestasi semasa pelaksanaan inisiatif oleh agensi-agensi pelaksana bagi memastikan pencapaian matlamat yang diharapkan.
- 5 Menilai tahap keberkesanan tindakan oleh agensi pelaksana terhadap semua inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah.
- 6 Melapor dapatkan tindakan berkaitan aspek governans, integriti dan anti-rasuah untuk dibentangkan kepada rakyat melalui pelbagai medium.



STRUKTUR ORGANISASI

*Pusat Governans,
Integriti & Anti Rasuah
Nasional*

PENGURUSAN TERTINGGI

TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMED
KETUA PENGARAH

DATUK DR ANIS YUSAL BIN YUSOFF
TIMBALAN KETUA PENGARAH I

FARAH ADURA BINTI HJ HAMIDI
TIMBALAN KETUA PENGARAH II



PEJABAT KETUA PENGARAH



DATO' MUHAMMAD SALIM SUNDAR
PEGAWAI KHAS KETUA PENGARAH



TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMED
KETUA PENGARAH



**DATUK PADUKA MUHAMMAD JUANDA
BIN A. RASHID**
PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS



MUHAMMAD ADAM BIN ABD WAHAB
PEGAWAI PENGIRING



ZABIDAH BT YAHYA
SETIAUSAHA PEJABAT KETUA PENGARAH



NUR SYAHIRA BT MOHD SUHAIMI
PENOLONG SETIAUSAHA
PEJABAT PEGAWAI KHAS



MOHD AZROL BIN MOHD ZAIN
PEMANDU KP

**PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH I
BAHAGIAN DASAR DAN STRATEGIK**



DATUK DR ANIS YUSAL BIN YUSOFF
TIMBALAN KETUA PENGARAH I



HJ MOHD GUNAWAN BIN CHE AB AZIZ
PENGARAH



NORUL ASHIKIN BINTI AMAT YAKUB
TIMBALAN PENGARAH



FAIRIN HUDA BINTI FAIVDULLAH
PENOLONG PENGARAH I



NUR FIDAR BINTI AYOB
PENOLONG PENGARAH II



ZARINA BINTI TALIB
SETIAUSAHA PEJABAT TKP I



NAJWA AKMAR BINTI MOHD SANI
SETIAUSAHA PEJABAT PENGARAH



**MUHAMMAD NORDIN RAJ
BIN YUVARAJAH**
PEMANDU TKP I

**PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH II
BAHAGIAN TUGAS-TUGAS KHAS KABINET & PARLIMEN**



FARAH ADURA BINTI HJ HAMIDI
TIMBALAN KETUA PENGARAH II



MUHAMMAD TAUFIQ SYAZWAN BIN RAZALI
PENOLONG PENGARAH I



NUR IZZAH RADHIAH BINTI SAHAR
PENOLONG PENGARAH II



NOOR INTAN BINTI KHALID
SETIAUSAHA PEJABAT TKP II



MOHAMAD SOLIHAN BIN REDUAN
PEMANDU TKP II

BAHAGIAN PENYELIDIKAN ANTIRASUAH



RASIDAH BINTI ABDUL KARIM
PENGARAH



SHAMINA BINTI ALI
TIMBALAN PENGARAH (PENYELARASAN)



NORAZLINA BINTI ABD RAHIM
TIMBALAN PENGARAH (PENYELIDIKAN)



AZEAN BINTI AHMAD
PENOLONG PENGARAH



NORLAILA BINTI ADENAN
PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



SABRINA BINTI ADNAN
PENGARAH



NORSYAFIQAH BINTI YAHYA
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



HIDAYANTI BINTI AHMAD
PEMBANTU TADBIR(PO)



MOHD SHAIFUL MIRAZ BIN HARUN
PEMBANTU TADBIR (PO)



MUHAMMAD NAJIY NAZMI BIN MD NAZLAN
PEMBANTU OPERASI

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG



NOOR ROSIDI BIN ABDUL LATIF
PENGARAH



KALAI VANI A/P ANNADORAI
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN KOMUNIKASI & MEDIA



DATO' FAUZI@PAUZI BIN AYOB
PENASIHAT KHAS INDUSTRI KREATIF



MAIZATUL AKMAL YAHAYA
PEGAWAI KOMUNIKASI DAN MEDIA



SITI MARIAM BINTI MOHAMAD NIZAR
PEGAWAI KOMUNIKASI DAN MEDIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

Keputusan Kerajaan menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) sebagai focal point kepada penyelarasan isu-isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah di semua agensi awam dan entiti-entiti yang berkaitan diumumkan pada 1 Jun 2018, sebaik mendapat mandat daripada rakyat Malaysia pada Pilihan Raya Umum ke-14. Keutamaan yang diletakkan oleh pimpinan baru ini adalah kepentingan memantap dan mengukuhkan integriti bagi membentuk satu reformasi yang menyeluruh dalam setiap aspek pentadbiran negara supaya ianya dapat membawa perubahan yang besar kepada rakyat. Seiring dengan matlamat tersebut, kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah pada 1 Jun 2018 sebagai sebuah agensi yang diletakkan secara terus dibawah Jabatan Perdana Menteri sebagai langkah pertama menzahirkan komitmen kerajaan memerangi rasuah dan salah guna kuasa dengan menerapkan integriti dalam setiap lapisan masyarakat dan membebaskan Malaysia daripada gejala rasuah serta menggalakkan tadbir urus baik.

JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH

Secara ringkasnya, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) ditubuhkan dengan agenda utama untuk membanteras budaya rasuah dalam kalangan pemimpin dan perkhidmatan dengan prinsip-prinsip Bersih, Cekap dan Amanah perlu dikembalikan. Melalui Jawatankuasa ini, isu-isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah dapat dibincangkan secara serius untuk membolehkan sebarang bentuk cadangan atau tindakan diputuskan.

Sejak diwujudkan pada tahun 2018, sebanyak 10 siri mesyuarat Jawatankuasa ini telah diadakan dengan dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Anggota mesyuarat Jawatankuasa ini pula terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, Menteri- Menteri Kanan dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Perkhidmatan bersama Ketua-ketua Setiausaha Kementerian. Jawatankuasa yang bersidang sekali setiap tiga bulan ini bertindak sebagai platform utama dalam menyelaraskan dan menggerakkan dasar-dasar Kerajaan berkaitan governans, integriti dan antirasuah di peringkat kebangsaan. GIACC bertindak selaku secretariat bagi Jawatankuasa ini. Melalui platform ini, sebanyak 50 kertas pembentangan dan 29 kertas pemakluman telah dibawa kepengetahuan anggota mesyuarat JKKMAR ini.

Meletakkan antirasuah, integriti dan governans sebagai salah satu fokus dalam pembentukan kerajaan baru, hasrat utama adalah mengembalikan kepercayaan terhadap perkhidmatan awam yang berteraskan prinsip integriti serta akauntabiliti penjawat awam ke aras sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

Bagi menterjemahkan kesungguhan usaha ini dalam bentuk dokumen sebagai panduan, Pelan AntiRasuah Nasional (NACP) telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 sebagai satu menifestasi kepada komitmen Kerajaan mengembalikan imej negara daripada dikenali dengan permasalahan rasuah kepada sebuah negara yang dikenali kerana integritinya. NACP mengandungi 115 agensi dengan 6 strategi utama yang mencakupi setiap aspek pentadbiran, perundangan dan penguatkuasaan yang diperlukan dalam aspek governans.

Melalui pelan ini pelbagai aspek berisiko dikenalpasti dan langkah-langkah yang perlu diambil dinyatakan dengan jelas dalam sama ada dari segi memperbaiki mutu perkhidmatan awam, memperbaiki proses kerja dan memperkasa undang-undang. Penglibatan sistem perkhidmatan awam, swasta dan anggota pentadbiran dinyatakan didalam pelan ini melalui tanggungjawab yang diletakkan dibawah kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun dan sektor swasta. Sebagai agensi yang menyelaras agenda pembentukan governans dan integriti negara, GIACC bertindak sebagai penyelaras yang membantu kementerian, jabatan serta agensi pelaksana menggerakkan inisiatif yang digariskan didalam NACP.

PERKHIDMATAN AWAM SEBAGAI PENGGERAK

Sebaik pelancaran NACP dibuat, JKKMAR menjadi medium bagi membentangkan idea-idea baru serta cadangan-cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memperkukuhkan governans dan integriti terutama di dalam perkhidmatan awam. Pencapaian dari segi menangani isu-isu governans, integriti dan rasuah telah menampakkan hasil sedikit demi sedikit, misalnya kerosakan jentera pentadbiran telah dapat dipulihkan semula dan juga pengurangan dalam hutang kerajaan telah dilaksanakan.

Perkhidmatan Awam merupakan teras utama dalam membantu anggota pentadbiran mentadbir negara. Beberapa perubahan awal telah dilaksanakan melalui JKMMAR berdasarkan pernyataan yang digariskan di dalam NACP antaranya Ketua-ketua Perkhidmatan telah diberi mandat penuh untuk mentadbir Kementerian dan jabatan masing-masing selaras dengan kuasa dan peraturan semasa yang berkuatkuasa, tanpa perlu ada tekanan pihak luar.

Tonggak pertama, 'Mereformasi Tadbir Urus ke Arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam', Kerajaan menekankan 3 keutamaan iaitu menambah baik tadbir urus dalam semua peringkat, meningkatkan integriti dan akauntabiliti, dan menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat. Antara tindakan yang sedang dibuat ialah mentransformasikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sebuah badan bebas sepenuhnya dan Akta SPRM 2009 dikaji semula secara menyeluruh. Undang-undang pencegahan rasuah juga akan diperkukuh dengan mengkaji semula Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



EKONOMI YANG LEBIH BAIK

Tadbir urus yang baik sangat penting bagi memastikan tiada lagi ketirisan berleluasa seterusnya merencatkan pembangunan ekonomi negara. Reformasi institusi yang menjadi teras pertama pembentangan Belanjawan 2019 yang bertemakan ‘Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera’ adalah satu manifestasi dan keazaman Kerajaan untuk memulihkan kepercayaan rakyat. Pada masa yang sama ia dapat memastikan keterbukaan dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan serta dapat mengelakkan ketirisan, rasuah dan juga meningkatkan integriti.

Beberapa inisiatif baharu diperkenalkan turut dibentangkan dan diputuskan di dalam JKKMAR termasuk kaedah zero- based budgeting dan penubuhan Pejabat Pengurusan Hutang yang memerlukan kita meneliti semula kelemahan dalam amalan-amalan yang lepas bagi memperkukuhkan integriti, mengelakkan ketirisan dana awam dan gejala rasuah.. Jika rasuah dihapuskan, kira-kira 30 peratus penjimatan perbelanjaan negara yang boleh digunakan untuk banyak perkara lain.

Tindakan sesetengah pihak untuk menjadi cepat kaya dengan menjual projek-projek kerajaan yang diperuntukkan kepada mereka perlu dibendung segera. YAB Perdana Menteri dalam Kongres Masa Depan Bumiputera & Negara 2018 yang diadakan pada 1 September 2018 yang lalu telah menyebut bahawa sekiranya kerajaan mendapati ada yang menjual projek, kerajaan tidak teragak-agak untuk segera membatalkan pemberian kontrak berkenaan.

Kongres tersebut juga telah menekankan keperluan untuk kita memperkenalkan dasar sabotaj ekonomi bagi membendung gejala “Ali Baba” dari terus berleluasa. Tidak salah untuk kontraktor Melayu bekerjasama dengan kontraktor dari kaum-kaum yang lain tetapi yang merisaukan kita adalah apabila kontraktor Melayu dan Bumiputera yang telah mendapat projek ini menjual projek mereka untuk mengaut keuntungan segera yang tidak menguntungkan negara. Lebih merisaukan kita adalah apabila projek ini dilaksanakan pada harga yang jauh lebih rendah daripada apa yang dibayar kerajaan kepada kontraktor yang asal dan ini boleh menyebabkan kualiti bangunan yang juga rendah dan dikhuatiri tidak selamat untuk diduduki.

Oleh yang demikian, langkah-langkah pencegahan melalui perundangan berkaitan salah laku dan ketirisan dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan telah pun dibuat satu kajian yang diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Usaha ini bertujuan menutup ruang dan peluang untuk merosakkan negara dan satu dasar bagi mengekang daripada berlakunya ketirisan dan salah guna kuasa.



SOKONGAN POLITIK

Kerajaan juga telah mengadakan perbincangan dengan parti-parti pembangkang bagi mendapatkan sokongan mereka terhadap perkara-perkara dan cadangan yang memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan. Ini bagi membolehkan Kerajaan mendapat sokongan dua pertiga dalam Parlimen apabila perkara-perkara ini diusulkan.

Sesi konsultansi diadakan sebagai satu platform untuk menjelaskan signifikan usaha-usaha yang sedang dilaksanakan, sepertimana Sesi Konsultansi yang telah diadakan bagi Pelaksanaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ianya bagi memberi kefahaman yang jelas mengenai keperluan melaksanakan perubahan serta mendapatkan sokongan daripada ahli politik, wakil-wakil NGO dan orang awam.

Menghampiri dua tahun penubuhannya, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) di Jabatan Perdana Menteri, telah mengorak langkah bersama-sama dengan seluruh jentera Perkhidmatan Awam untuk membersihkan Malaysia daripada imej 'negara kleptokratik' yang dilabelkan semasa pemerintahan terdahulu. Ini dapat dilakukan hasil kesungguhan dan komitmen dalam membudayakan kan integriti dalam setiap lapisan masyarakat dan membebaskan Malaysia daripada gejala rasuah serta menggalakkan tadbir urus baik.



PENINGKATAN SKOR MALAYSIA

1

Asian Corporate Governance Association (ACGA)
Kedudukan Malaysia di dalam ACGA naik 3
anak tangga daripada tempat ke-7 pada tahun
2016 ke tangga ke empat pada tahun 2018

2

Press Freedom Index
Kedudukan Malaysia meningkat 22 tangga
daripada 145 pada tahun 2018 dan naik ke
tangga 123 pada tahun 2019

3

Edelsmann Trust Barometer Global
Skor Malaysia meningkat sebanyak 14 point dari
skor 46 (Distrust) tahun 2018 ke skor 60 (trusted) tahun
2019

4


Democracy Index
Kedudukan Malaysia mempunyai 7 tangga daripada 59
pada tahun 2017 dan naik ke tangga 52 pada tahun
2018

5

World's Bank Ease of Doing Business
Kedudukan Malaysia meningkat 9 tangga daripada
tangga ke-24 pada tahun 2018 dan naik ke tangga
15 pada tahun 2019

6

Indeks Persepsi Rasuah (CPI)
Skor Malaysia sama bagi tahun 2017 dan 2018 iaitu
4.70 namun kedudukan Malaysia naik 1 tangga dari
tempat 62 ke 61





JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH

Pengerusi

YAB Perdana Menteri
Timbalan Pengerusi
YAB Timbalan Perdana Menteri

Ahli-Ahli Tetap

1. Menteri Dalam Negeri
2. Menteri Kewangan
3. Menteri Pertahanan
4. Menteri Hal Ehwal Ekonomi
5. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang)
6. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang)
7. Ketua Setiausaha Negara
8. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
9. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
10. Ketua Audit Negara
11. Peguam Negara
12. Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
13. Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
14. Semua Ketua Setiausaha Kementerian Persekutuan

Ahli-Ahli Jemputan Tetap

1. Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU).
2. Ketua Pengarah Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).
3. Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam (BPA)
4. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) telah ditubuhkan pada 8 Jun 2019 (Jumaat) bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) sebagai gerakan pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan di peringkat kebangsaan bagi merealisasikan komitmen Kerajaan untuk memulihkan imej negara yang dianggap sebagai sebuah negara kleptokrasi.

Ketua Pengarah GIACC telah diberi mandat selaku Ketua Sekretariat JKKMAR dan diurus setiakan bersama oleh Bahagian Tugas-tugas Khas Kabinet dan Parlimen, GIACC serta Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM. Pada tahun 2018, 5 siri Mesyuarat JKKMAR telah diadakan bertujuan menangani isu-isu yang mendesak selepas berakhirnya Pilihanraya Umum Ke-14.

Manakala, pada tahun 2019 pula sebanyak 5 siri Mesyuarat JKKMAR juga telah bersidang. Kesemua Mesyuarat JKKMAR telah dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ini secara tidak langsung memberi mesej bahawa pihak Kerajaan amat komited dan serius dalam menangani isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah



PERANAN & TANGGUNGJAWAB



1

Menentukan dasar berhubung dengan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;

4

Menimbang cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli JKKMAR dan JAR Peringkat Kebangsaan bagi memantapkan governans, integriti dan antirasuah sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan.

Merancang, memantau dan menilai kecekapan pelaksanaan dan keberkesanan dasar, peraturan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang mempunyai impak kepada pemantapan governans, integriti dan antirasuah sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;

2

Menentukan dasar dan hala tuju tadbir urus, integriti dan antirasuah di negara ini melalui kerangka Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang mengandungi 115 inisiatif yang diberi tumpuan khusus untuk dilaksanakan dalam fasa-fasa tertentu.

5

Menimbang dan meluluskan pelaksanaan inisiatif mengenai governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan.

3

Penyelaras terhadap cadangan-cadangan oleh Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) serta 20 Janji Kerajaan yang berkaitan governans, integriti dan antirasuah.

6

Pelbagai inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah telah berjaya dilaksanakan hasil daripada keputusan-keputusan Mesyuarat JKKMAR setakat ini. Antara pencapaian penting tersebut ialah seperti berikut:

Sebanyak 6 Arahan PM telah dikeluarkan iaitu Arahan Perdana Menteri Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia:

a)

Bil.	Tajuk	Kementerian/Agensi/Jabatan
1	Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
2	Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk Di Bawah Kerajaan Negeri	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
3	Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
4	Had-Had Keterlibatan Anggota Pentadbiran Dalam Urusan Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri Dan Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan, Termasuk Di Negeri	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
5	Dasar Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
6	Panduan Dan Tatacara Pengeluaran Penyataan Sokongan Dalam Apa Jua Bentuk	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

- b) Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 mengandungi 6 Strategi, 17 Objektif Strategik dan 155 inisiatif penting untuk mencapai visi sebagai Negara Bebas Rasuah.
- c) Penstrukturan semula fungsi-fungsi bertindih 4 buah agensi di Jabatan Perdana Menteri selesai dilaksanakan di bawah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional melibatkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara, Institut Integriti Malaysia, Biro Pengaduan Awam dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.
- d) Pelantikan pengerusi atau ahli lembaga pengarah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dibuat berasaskan kepakaran serta kelayakan merit calon dan tidak lagi bersandarkan kedudukan politik dalam parti.
- e) Buku Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen kerajaan telah dikuatkuasakan pada 1 Disember 2018 dengan memasukkan 2 keputusan dasar berkaitan perisytiharan harta dan penerimaan hadiah.
- f) Ketua-ketua jabatan tidak lagi menganggap surat sokongan atau sebarang bentuk pengaruh luar sebagai satu arahan atau keputusan Anggota Pentadbiran yang wajib dilaksanakan tanpa mengambil kira peraturan dan prosedur kerja yang telah ditetapkan. Penyediaan Arahan Perdana Menteri kepada Anggota Pentadbiran mengenai penyataan sokongan.
- g) Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai pertemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis telah dibuat pada 29 Januari 2019.
- h) Penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NAFCC) bagi membanteras aliran wang haram dan meningkatkan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan bagi membendung aktiviti perubahan wang haram.
- i) Melancarkan buku Garis Panduan Tatacara Mencukupi Di bawah Subseksyen [5] Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang berfungsi untuk membantu organisasi komersial memahami keperluan “tatacara mencukupi” yang perlu dilaksanakan untuk mengesan, mencegah dan bertindak terhadap sebarang insiden rasuah dalam urusan perniagaan.
- j) Bagi meningkatkan imej negara dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam di luar negara pelantikan Ketua Perwakilan Malaysia tidak lagi dibuat secara lantikan politik mulai pada 30 Jun 2018.
- k) Sebagai usaha pengisian jiwa rakyat untuk menyelami hasrat kerajaan dalam membanteras rasuah demi maruah negara yang tercinta maka lagu ‘Malaysia Bersih’ dijadikan sebagai lagu rasmi yang wajib dimainkan dalam setiap program kerajaan dan rakyat.
- l) Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam menjalankan peranan untuk mencalonkan mereka yang sesuai dan berwibawa bagi 4 jawatan iaitu SUHAKAM, SPR, SPRM dan Suruhanjaya Kehakiman dan mana-mana jawatan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri.

- m) Bagi membina budaya integriti dan mencegah perlakuan rasuah pelaksanaan ISO 37001 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) diguna pakai secara menyeluruh di sektor awam dan swasta terutamanya agensi-agensi yang berisiko tinggi.
- n) Memasukkan peruntukan undang-undang baharu berhubung Beneficiary Ownership (BO) dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bagi menangani kes jenayah yang membabitkan BO dan pemilik berdaftar dalam sesuatu organisasi komersial.
- o) Memperkasa autoriti dan tadbir urus Parlimen yang dilaksanakan secara berperingkat dalam jangka pendek dan panjang.
- p) Mempertingkatkan kredibiliti sistem kehakiman negara dengan memberi keutamaan supaya kes-kes rasuah didengar oleh Hakim yang berpengalaman dan terlatih dengan baik dalam mengendalikan kes-kes rasuah.
- q) Memperkasa Perkhidmatan Awam dari aspek tadbir urus dan integriti agar lebih berintegriti dan berprofesional.
- r) Meningkatkan integriti dan tadbir urus pengurusan perolehan projek-projek pembangunan kerajaan secara kaedah land swap agar tidak merugikan wang rakyat.
- s) Membela nasib Orang Asli di Semenanjung terutamanya dari aspek pendidikan anak-anak Orang Asli sehingga ke peringkat universiti dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor awam atau swasta.
- t) Memperkenalkan Peraturan Perolehan bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) termasuk Pihak Berkuasa Koridor (PBK) bertarikh 16 Ogos 2019 bagi melindungi kepentingan kerajaan dalam semua projek atau kontrak.
- u) Pendedahan maklumat yang lebih telus kepada umum melalui laporan Kertas Putih FELDA, Tabung Haji dan Siasatan Projek Land Swap Kementerian Pertahanan di Dewan Rakyat.
- v) Perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran diperluaskan kepada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Parlimen.

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL

2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI



JABATAN PERDANA MENTERI

PERUTUSAN SETAHUN SEJAK PELANCARAN NACP 2019-2023 29 JANUARI 2020

1. Di dalam menilai prestasi Kerajaan Pakatan Harapan memerintah negara sejak Mei 2018, perkara yang paling ketara yang menampakkan impak dan kesannya adalah usaha mempertingkatkan governans, integriti dan antirasuah.
2. Hari ini Perdana Menteri Malaysia tidak lagi dibabitkan dengan tuduhan mencuri dana awam untuk kepentingan peribadi. Imej kleptokrat yang disebut-sebut masyarakat dunia sebelum ini telah berjaya dikikis untuk Malaysia kembali dihormati kerana integriti. Secara langsung, kedudukan Malaysia meningkat dari tangga ke 61 ke 51 di Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2019 seperti yang dilapor Transparency International Malaysia (TI-M) baru-baru ini.
3. Dalam masa setahun sejak pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, pelbagai usaha telah kita laksanakan dengan terancang dan terperinci. Ia bermula dengan mewujudkan satu badan khusus yang bertanggungjawab untuk menyelaras semua usaha Kerajaan dalam membudayakan integriti dikalangan rakyat. Pada masa yang sama ia juga merancang strategi terbaik untuk memerangi rasuah. Badan ini menjadi pusat penting yang menasihati Kerajaan tentang langkah-langkah terbaik yang diamalkan oleh negara-negara maju dan sekaligus menjadi tanda aras yang diletakkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
4. Kita juga mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang juga dianggotai bersama oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Peguam Negara, Ketua Audit Negara dan semua Ketua Setiausaha Kementerian. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) bertindak sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa ini yang telah menghasilkan pelbagai dasar untuk penambahbaikan pentadbiran.
5. Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019 adalah permulaan kepada usaha membasmi rasuah di dalam struktur yang terancang. Atas usaha dan kerjasama semua pihak, setakat ini 25 inisiatif telah berjaya kita selesaikan daripada 115 yang dirangka untuk dilaksanakan antara tahun 2019-2023. (Inisiatif penuh seperti dalam lampiran). Ini baru tahun pertama pelaksanaan NACP dan kita telah pun dapat melihat pencapaiannya. Apa yang penting daripada jumlah inisiatif ini adalah perubahan dalam sistem dan institusi kita yang akan menentukan agar usaha-usaha ini berterusan dan ada kesinambungannya dan bukan hanya kerja bermusim.

6. Selain daripada itu, usaha-usaha kita ini juga telah mendapat pengiktirafan diperingkat antarabangsa dan pengalaman dan inisiatif yang telah kita laksanakan kini menampakkan kesannya.
7. Tahniah dari saya kepada semua pihak yang terlibat dalam menyokong usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukan kerana rasuah. Syabas kepada semua agensi yang menggalas tanggungjawab sebagai badan penting yang melaksanakan dan memantau pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP).
8. Semoga usaha murni kita ini akan mendapat rahmat dan keberkatan Illahi dan Malaysia terus dihormati dan disanjung.

Malaysia Bersih Harapan kita.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Januari 2020

**EPISOD
PENCEGAHAN
RASUAH DI MALAYSIA**

- 2004
Pelan Integriti Nasional (PIN)

- 2010
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0

- 2010
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0

- 2019-2023
Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

Antara tahun 2005 hingga 2015, Malaysia telah kehilangan **RM 1.8 trillion** menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripada berpunca daripada amalan rasuah.

SUMBER: Global Financial Integrity Report 2017


SEKTOR YANG PALING TERDEDAH KEPADA RASUAH

63.30%

Aduan rasuah diterima melibatkan

Sektor awam

SUMBER: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



Idea pembentukan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, National Anti-Corruption Plan (NACP) terzahir selepas kemenangan kerajaan baharu iaitu Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum ke-14 yang sangat memberi penekanan terhadap usaha supaya Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukan rasuahnya. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu rasuah di negara ini daripada dilabelkan sebagai sebuah negara kleptokrasi.

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI


Secara rasminya, Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Sejurus pelancaran tersebut, satu arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 berhubung dengan Pelaksanaan Pelan Antrirasuah Nasional telah dikeluarkan berkuatkuasa mulai 29 Mac 2019. Ia merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia memberi panduan yang jelas kepada semua kementerian dan agensi-agensi tentang keperluan, peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan NACP dan agenda pencegahan rasuah dalam organisasi masing-masing dilaksanakan dengan sempurna.

Terdapat sebanyak **24 Agensi Pelapor (Agensi Peneraju)** kepada 115 inisiatif yang perlu dilaporkan kepada Sekretariat GIACC pada setiap tiga (3) bulan sekali (pelaporan suku tahun) dengan menggunakan format pelaporan yang telah disediakan. Hasil laporan inisiatif tersebut akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Prestasi Pelan Antirasuah Nasional Bersama Agensi Peneraju yang mana mesyuarat ini telah berlangsung sebanyak dua (2) kali pada tahun 2019 iaitu pada 20 Mac 2019 dan 20 November 2019.

NACP mengandungi 115 inisiatif yang terkandung dalam 6 strategi yang mana ia terbahagi kepada tiga(3) fasa jangka masa.




Enam strategi yang digariskan di dalam NACP ini terhasil daripada analisis-analisis yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber dalaman mahupun antarabangsa

VISI	 Ke arah negara bebas rasuah					
MISI	Menegakkan kedaulatan undang-undang		Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan berasaskan tadbir urus yang baik		Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih	
MATLAMAT	Akauntabiliti dan kredibiliti kehakiman, pendakwaan dan Agensi Penguatkuasa Undang-undang		Kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan		Integriti dalam perniagaan	
BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir Urus Politik	Sektor Pentadbiran Awam	Perolehan awam	Perundangan dan Kehakiman	Penguatkuasa Undang-Undang	Tadbir Urus Korporat
STRATEGI	Memperkuh Akauntibiliti dan Integriti Politik	Memperkuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	Mempertingkat Keberkesanan dan Kelulusan Perolehan Awam	Mempertingkat Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman	Mengistituisikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang	Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat

PROGRES PERLAKSANAAN NACP

PETUNJUK

- Selesai
- Dalam Tindakan



Carta 1: Progress Pelaksanaan 115 Inisiatif NACP

Sehingga 31 Disember 2019, daripada 115 inisiatif yang digariskan di dalam NACP, 17% bersamaan 20 inisiatif telah selesai dilaksanakan. Manakala baki 83% bersamaan 95 inisiatif masih dalam tindakan untuk dilaksanakan.

BIDANG	SELESAI	DALAM TINDAKAN	BELUM MULA	JUMLAH
Tadbir Urus Politik	9	26		35
Pentadbiran Sektor Awam	3	27		31
Perolehan Awam	3	13		16
Perundangan & Kehakiman		5		6
Penguatkuasa Undang-Undang	2	15		17
Tadbir Urus Koprak	2	8		10
JUMLAH	20	95		115

Analisis Status Pelaksanaan Inisiatif Mengikut Bidang

ANALISIS RINGKAS PENCAPAIAN MELALUI TAHUN PERLAKSANAAN

JANGKA PENDEK (JAN 2019-DIS 2019)



JANGKA SEDERHANA (JAN 2019-DIS 2020)



JANGKA PENDEK (JAN 2019-DIS 2023)



BIL.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS PERLAKSANAAN
1. 1.2.5	Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik termasuk kesalahan melobi.	Jabatan Perdana Menteri	SELESAI	DALAM TINDAKAN
2. 1.2.1	Memperkenalkan sisitem pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran.	i. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ii. Jabatan Perdana Menteri	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	SELESAI
3. 1.2.2	Menambahbaik dasar dan mekanisme berkaitan penerima hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran.	i. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ii. Jabatan Perdana Menteri	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	

BIL.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS PERLAKSANAAN
1. 1.2.5	Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik termasuk kesalahan melobi.	Jabatan Perdana Menteri	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)	DALAM TINDAKAN
2. 1.2.1	Memperkenalkan sistem pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran.	i. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ii. Jabatan Perdana Menteri	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	SELESAI
3. 1.2.2	Menambahbaik dasar dan mekanisme berkaitan penerima hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran.	i. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ii. Jabatan Perdana Menteri	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	SELESAI
BIL.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS PERLAKSANAAN
14. 3.2.2	Memperkenalkan klausa standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam semua projek/ kontrak yang melibatkan Kerajaan. Badan Berkanun dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Sekiranya berlakunya pelanggaran kontrak, maka Kerajaan boleh pada bila-bila masa, menamatkan dan/atau menfailkan kes sivil terhadap pihak dalam kontrak.	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	SELESAI

RESOURCE PERSON

Bagi menjayakan agenda NACP ini, pegawai-pegawai daripada pelbagai latar belakang dan daripada pelbagai peringkat agensi telah dilatih untuk menjadi jurucakap (Resource Person) dan wakil kepada agensi masing-masing dalam menyampaikan penerangan yang lengkap berkenaan NACP.

Lima (5) siri Bengkel Train of Trainers (TOT) telah dilaksanakan bermula daripada bulan Februari sehingga April 2019 dan telah berjaya melahirkan seramai 215 orang jurucakap atau Resource Person NACP. Para Resource Person ini juga adalah berkelayakan untuk memberi taklimat penerangan serta mengendalikan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Antara agensi-agensi yang menyertai 5 siri bengkel tersebut adalah pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), pegawai-pegawai dari Unit Integriti seluruh Kementerian, pegawai-pegawai Unit Integriti daripada pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), pegawai-pegawai dari agensi peneraju Government Link Company (GLC) dan juga ahli-ahli dari Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO). Pegawai-pegawai yang terlatih ini akan menjadi jurucakap NACP di seluruh negara bagi menyampaikan hasrat dan amanat yang terkandung di dalam NACP difahami dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

PENYELARASAN PERLAKSANAAN NACP

Sebanyak 21 sesi bersemuka bersama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian telah dilaksanakan semenjak bulan Julai 2018 sehingga Januari 2019 dilaksanakan bagi mengenalpasti isu/permasalahan sebenar rasuah, integriti dan governans dalam Kementerian dan mengenalpasti kaedah penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah rasuah, integriti dan governans agar lebih holistik dan berkesan. Selain itu perbincangan ini juga dilaksanakan bagi mengenalpasti tindakan susulan bagi menangani isu rasuah, ketirisan dan penyelewengan dalam Kementerian. Turut terlibat dalam sesi perbincangan ini adalah pihak Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara Suruhanjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang merupakan ahli tetap mesyuarat ini yang mana dengan kehadiran mereka

dapat mengupas lebih lanjut isu-isu yang dibangkitkan oleh setiap Kementerian untuk mencapai satu kata sepakat dalam mencari jalan penyelesaian. Bagi penyelarasan di peringkat negeri, sesi perjumpaan bersemuka diadakan bersama wakil dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Negeri bagi mengenalpasti isu/permasalahan, kaedah penyelesaian dan pelaksanaan inisiatif berkaitan rasuah, integriti dan governans dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berdasarkan NACP. Turut diadakan sesi bersemuka dengan agensi-agensi penguatkuasa bagi mengenalpasti isu/permasalahan sebenar, kaedah penyelesaian dan Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

BERSIHKAN NAJIS RASUAH



PEMANTAUAN JANJI

JANJI 12:
Mengehadkan tempoh
menstrukturkan
semula Jabatan
Perdana Menteri

JANJI 13:
Menyelesaikan skandal
1MDB, FELDA, MARA
dan Tabung Haji

JANJI 14:
Mereformasi SPRM dan
memperkasa usaha,
mambanteras
rasuah

JANJI 15:
Memisahkan Pejabat
Pendakwa Raya Negara
daripada Pejabat
Peguam Negara

JANJI 16:
Mengembalikan
wibawa institusi
parlimen

JANJI 17:
Menjamin ketelusan
dan kemodenan
sistem pilihanraya

JANJI 18:
Mewujudkan mekanisme
pembayaran politik
yang berintegriti

JANJI 19:
Mengembalikan
kepercayaan terhadap
institusi kehakiman dan
perundangan.

JANJI 20:
Menjadikan ATM dan
PDRM sebagai
sebuah pasukan
yang dihormati dan
disegani

JANJI 21:
Memperkasa
perkhidmatan awam

JANJI 22:
Menjadikan pentadbiran
semua syarikat milik
kerajaan (GLC) setaraf
dengan piawai
antarabangsa

JANJI 23:
Memastikan sistem
perolehan kerajaan,
menjana faedah
maksimum untuk wang
rakyat

JANJI 25:
Memperkukuh peranan
dan kuasa Pihak
Berkuasa Tempatan

JANJI 26:
Menjadikan Malaysia
sebuah negara yang
mempunyai rekod hak
asasi manusia yang
dihormati

JANJI 29:
Meningkatkan ketelusan
dan integriti belanjawan
dan proses belanjawan

JANJI 38:
Membela nasib orang
yang asal di
Semenanjung
Malaysia

JANJI 48:
Memulangkan dan
menjamin hak tanah
adat Sabah dan
Sarawak

JANJI 57:
Menjadikan Malaysia
sebuah negara yang
dikenali kerana
integritinya, bukan
kerana rasuahnya

JANJI 58:
Mempertahankan
sempadan negara
daripada pencerobohan,
penyeludupan
dan pemerdagangan
manusia

JANJI 60:
Memartabatkan
peranan
Malaysia dalam
institusi
Antarabangsa

Inisiatif Pembaharuan

Bil	Manifesto Kerajaan	Skop Pembaharuan (Scope of reforms)			Inisiatif			Prinsip governans			
		Dasar (Policy reform)	Perundangan (Legal reform)	Institusi (Institutional reform)	NACP	JKKIMAR	IRC	Ketelusan	Akauntabiliti	Keberkesanan	Kecekapan
								T	R	E	E
1.	Janji 12: Tempoh Perdana Menteri dihadkan kepada 2 penggal										
2.	Janji 13: Kajian semula struktur pentadbiran 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji untuk semak dan imbang yang efektif (penubuhan Unit Integriti dan Governans di semua GLC)										
3.	Janji 14: Mereformasi SPRM										
4.	Janji 14: Menggubal Akta Kebebasan Maklumat										
5.	Janji 14: Menambahbaik Mekanisme Perisytiharan Harta bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen										
6.	Janji 15: Memisahkan Pejabat Pendakwa Raya Negara daripada Pejabat Peguam Negara										
7.	Janji 16: Akta Perkhidmatan Parlimen										
8.	Janji 16: 6 Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan										
9.	Janji 17: Had umur mengundi kepada 18 tahun										
10.	Janji 18: Akta Sumbangan Politik										
11.	Janji 20: Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC)										

T: Transparency
R: Restore Accountability

E: Efficiency
E: Effectiveness

Petunjuk: Selesai Dalam tindakan Belum mula

Bil.	Manifesto Kerajaan!	Skop Pembaharuan (Scope of reforms)			Inisiatif			Prinsip governans			
		Dasar (Policy reform)	Perundang an (Legal reform)	Institusi (Institutional reform)	NACP	JKKMAR	IRC	Ketelusan	Akauntabiliti	Keberkesanan	Kecekapan
								T	R	E	E
14.	Janji 25: Kajian berhubung pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976.										
15.	Janji 26: Mereformasi SUHAKAM melalui pindaan Akta SUHAKAM 1999										
16.	Janji 29: Keterlibatan awam melalui amalan 'White Paper' dalam Belanjawan 2020										
17.	Janji 38: Penstrukturan semula JAKOA										
18.	Janji 48: Mewujudkan satu Tribunal Khas Tanah Adat										
19.	Janji 57: Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN)										
20.	Janji 58: Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kewujudan kem pemerdagangan manusia dan pembunuhan di Wang Kelian Perlis.										
21.	Janji 60: Memperkasa Wisma Putra dengan dasar luar yang bernas dan kumpulan diplomat yang cekap melalui Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPKM) dan tiada lantikan politik bagi jawatan Ketua Perwakilan luar negara										

T: Transparency
R: Restore Accountability

E: Efficiency
E: Effectiveness

Petunjuk: Selesai Dalam tindakan Belum mula

STATUS INISIATIF SELARAS DENGAN JANJI KERAJAAN BERKAITAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH (2019)

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC) telah diberikan mandat oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk memantau Janji Kerajaan berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah. Kesemua Janji Kerajaan tersebut, kini sedang dalam tindakan agensi-agensi berkaitan.


A. MENANGANI RASUAH

1.1 Menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali kerana integritinya bukan kerana rasuahnya (Janji 57)

Menjadikan Malaysia antara 10 negara paling bersih CPI menjelang tahun 2030. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) mengukur persepsi penganalisis di kalangan pakar dan masyarakat perniagaan berhubung kefahaman mereka tentang tahap rasuah di sektor awam. Pada tahun 2018, Malaysia kekal dengan skor sebanyak 47 dengan kedudukan ke-61 berbanding kedudukan ke-62 bagi tahun 2017 dalam CPI yang diumumkan oleh TI Malaysia pada 21 Januari 2019 lalu.


Daripada sembilan (9) jenis tinjauan yang digunakan dalam CPI, dua tinjauan telah menunjukkan peningkatan skor daripada tahun 2017 hingga 2018 iaitu World Competitiveness Yearbook 2018 oleh International Institute for Management Development (IMD) yang melonjak daripada 63 kepada 66 serta Varieties of Democracy (V-Dem) yang melonjak daripada 43 kepada 47. Perbezaan skor CPI tersebut mengikut tinjauan adalah seperti di Rajah 1. Walaupun diukur berdasarkan persepsi, namun, pencapaian ini, CPI menunjukkan refleksi bahawa usaha pemerkasaan governans, integriti dan anti-rasuah negara sedang menunjukkan kesan positif di peringkat global. Justeru, Kerajaan sedang mempertingkatkan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dikenali kerana integriti bukan kerana rasuah.

Trend Tinjauan Perubahan Skor dalam CPI daripada tahun 2017 hingga 2018



Rajah 1 (Sumber : TI MALAYSIA)

Analisis (Rajah 2) menunjukkan bahawa negara yang mempunyai skor CPI yang baik mempunyai Human Development Index (HDI) yang tinggi. Justeru, pelaksanaan inisiatif berdasarkan amalan prinsip tadbir urus baik seperti ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan amat penting di kalangan semua sektor iaitu politik, awam dan swasta merentasi pelbagai bidang termasuk perolehan dan penguatkuasaan untuk membanteras rasuah ke arah memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara yang dapat dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat.



Rajah 2

Worldwide Governance Indicators			
Indicator	Country	Year	Percentile Bank (0 to 100)
Voice and Accountability	Malaysia	2008	~35
		2013	~40
		2018	~45
Political Stability and Absence of Violence/Terrorism	Malaysia	2008	~50
		2013	~55
		2018	~60
Government Effectiveness	Malaysia	2008	~80
		2013	~80
		2018	~80
Regulatory Quality	Malaysia	2008	~65
		2013	~70
		2018	~75
Rule of law	Malaysia	2008	~60
		2013	~65
		2018	~70
Control Of Corruption	Malaysia	2008	~55
		2013	~65
		2018	~65

Rajah 3 (Sumber : World Bank)

Pencapaian negara dalam Worldwide Governance Indicators (WGI) yang dikeluarkan oleh World Bank telah menunjukkan peningkatan ketara bagi indikator “Rule of Law”. Justeru, usaha sedang dipertingkatkan bagi menambah baik tadbir urus baik di pelbagai sektor ke arah memastikan pembangunan dan kemakmuran negara tercapai sepertimana yang dihasratkan.



Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP)

Bagi menunjukkan komitmen Kerajaan untuk membanteras rasuah, Pelan Anti-Rasuah Nasional (2019-2023) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 yang memberi fokus membanteras rasuah berdasarkan risiko rasuah kepada 6 bidang keutamaan iaitu sektor politik, awam, perolehan awam, kehakiman dan perundangan, penguatkuasaan dan korporat.

Pelan ini menterjemahkan komitmen Malaysia untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang disepakati bersama di peringkat antarabangsa menjelang 2030 dengan memberi tumpuan kepada Matlamat 16 yang merangkumi komitmen untuk memerangi rasuah. Ia juga adalah selaras dengan Perkara 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (United Nations Convention against Corruption-UNCAC).

Penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional

Bagi memastikan pelaksanaan NACP yang berkesan, maka Kerajaan pada 8 Jun 2018 telah menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional bagi membantu kepimpinan Kerajaan memberi nasihat, merancang, menyelaras, memantau, menilai dan melapor mengenai semua perkara berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah.

B. TADBIR URUS POLITIK DAN PEMBAHARUAN INSTITUSI

Usaha pembanterasannya memerlukan komitmen yang tinggi serta 'political will' dari kalangan pemimpin sebagai contoh dan teladan yang baik kepada rakyat. Justeru, beberapa inisiatif pembaharuan telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan integriti dan akauntabiliti pemimpin dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pemimpin dan institusi-institusi penting negara dalam memastikan kepentingan rakyat didahului selaras dengan prinsip demokrasi, telus dan berintegriti tinggi. Antara inisiatif utama yang telah dicapai adalah seperti berikut:

1.2 Mengehendkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan menstruktur semula Jabatan Perdana Menteri (Janji 12)


- ▶ Perdana Menteri (PM) tidak memegang jawatan lain.
- ▶ Bilangan menteri di JPM 3 orang sahaja.
- ▶ Bilangan agensi di bawah JPM akan dikurangkan.
- ▶ Tempoh jawatan PM di hadkan kepada 2 penggal sahaja.
- ▶ Mengurangkan peruntukan JPM kepada RM8bilion saja.

OBJEKTIF

Mengelakkan risiko salah guna kuasa serta memastikan keberkesanan dalam sistem pentadbiran Kerajaan.

PENCAPAIAN

- ▶ Sehingga hari ini, PM tidak lagi memegang portfolio menteri lain.
- ▶ Bilangan Menteri di JPM hanya 3 orang sahaja iaitu bagi undang-undang, agama dan perpaduan.
- ▶ Bilangan agensi di bawah JPM telah dikurangkan daripada 96 kepada 58.
- ▶ Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi mengehendkan tempoh jawatan PM telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk Bacaan Pertama pada 3 Disember 2019.
- ▶ Peruntukan JPM telah dikurangkan sebanyak 38.42% iaitu daripada RM12 bilion pada 2018 kepada RM7.39 bilion pada tahun 2019.



1.3 Mengembalikan wibawa institusi Parlimen (Janji 16)


- ▶ Memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.
- ▶ Sistem Jawatankuasa Terpilih diinstitusikan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- ▶ Pelantikan jawatan-jawatan penting seperti SUHAKAM, SPR, SPRM dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia mestilah disahkan oleh Jawatankuasa yang bersesuaian di Parlimen. Jawatan Pengerusi Kira-Kira Wang Negara (PAC) dikhaskan kepada Ahli Parlimen daripada parti pembangkang.
- ▶ Mengembalikan Kertas Hijau dan Kertas Putih untuk mengumumkan dasar-dasar besar Kerajaan sebelum suatu proses sebelum akta baru diperkenalkan di Parlimen.
- ▶ Setiap minggu, tempoh 30 minit akan diperuntukkan untuk sesi khas Soalan kepada Perdana Menteri di Dewan Rakyat.

OBJEKTIF

Mengembalikan kewibawaan Parlimen dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan.

PENCAPAIAN

- ▶ Kerajaan telah bersetuju supaya Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 disemak semula bagi mengembalikan kewibawaan Parlimen.
- ▶ Enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang, Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet, Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Ketaksamaan Gender, Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-negeri Persekutuan serta Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam. Empat lagi PSC telah diluluskan pada 17 Oktober 2019.
- ▶ Pengerusi PAC kini telah dilantik daripada Parti Pembangkang.
- ▶ Kajian pindaan undang-undang sedang dilaksanakan bagi pelantikan jawatan penting untuk disahkan melalui PSC.
- ▶ Pembentangan Kertas Putih FELDA telah dibuat pada bulan April 2019.
- ▶ Sesi khas soalan kepada Perdana Menteri di Dewan Rakyat telahpun dilaksanakan.




1.4 Sistem Pilihan Raya

OBJEKTIF

Menjamin ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya. (Janji 17)

PENCAPAIAN

- ▶ Menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun. Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi perkara 119 berkenaan had umur pengundi kepada 18 tahun telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Julai 2019.
- ▶ Melaksanakan pendaftaran automatik berdasarkan daftar JPN. Perkara ini dalam peringkat kajian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
- ▶ Nisbah persempadanan semula kawasan pilihan raya yang adil (dalam kajian)
- ▶ JK Khas di bawah TPM untuk bekerjasama dengan CSO dalam mewujudkan Garis Panduan Caretaker Government (dalam peringkat kajian oleh Electoral Reform Committee)
- ▶ Hak bersiaran dalam saluran TV dan radio kendalian RTM kepada semua parti berdaftar yang bertanding Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) sedang mengkaji untuk menyediakan akses kepada semua parti yang bertanding untuk bersiaran dalam siaran TV dan radio.



CARTA : RINGKASAN PENCAPAIAN



1.5 Mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti (J18)

OBJEKTIF

Memastikan sistem pembiayaan politik yang lebih telus dan berintegriti.


PENCAPAIAN

▶ Satu Akta Kawalan pembiayaan politik diperkenalkan.

-Kerajaan telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Sumbangan Politik digubal bagi mengawal selia memastikan sistem pembiayaan politik yang lebih telus.

▶ Satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menyemak semua cadangan berkaitan undang-undang pembiayaan politik yang tegas dan berintegriti.

-Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan pada September 2018 yang dianggotai oleh pegawai GIACC, Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara bagi meneliti draf RUU tersebut. Draf RUU dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020.



C. PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

1.6 Memperkasa perkhidmatan awam (Janji 21)

OBJEKTIF

Memastikan akauntabiliti dan integriti dalam sektor perkhidmatan awam.

PENCAPAIAN

- ▶ Bagi memastikan para pegawai Kerajaan tidak terlibat atau terpengaruh dengan sentimen politik kepartian, Kerajaan telah bersetuju supaya Akta Perkhidmatan Awam dan Kod Etika Penjawat Awam digubal.
- ▶ Kerajaan juga telah bersetuju supaya jawatan-jawatan Ketua Perwakilan di luar negara dibuat daripada perkhidmatan awam negara dan tiada lagi lantikan politik.
- ▶ Proses rasionalisasi wakil-wakil agensi di luar negara dilaksanakan melalui Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPKM) yang berkuatkuasa 8 November 2018.
- ▶ Kenaikan pangkat dilakukan berdasarkan prestasi perkhidmatan dan pengalaman. Satu Surat Arahan YAB PM Siri 3 No. 2 Tahun 2019 telah dikeluarkan berhubung Had Keterlibatan Anggota Pentadbiran dalam Pelantikan Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan.
- ▶ Bagi memastikan akauntabiliti perkhidmatan awam, Kerajaan juga telah bersetuju supaya satu Rang Undang-undang Penubuhan Ombudsman digubal bagi menggantikan Biro Pengaduan Awam sebagai langkah mewujudkan mekanisme semak dan imbang yang lebih berkesan.



1.7 Memperkukuh peranan dan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (Janji 25)

OBJEKTIF


Memastikan akauntabiliti dan integriti dalam Pihak Berkuasa Tempatan.

PENCAPAIAN

- ▶ Peranan PBT dikembangkan agar mendapat keyakinan dan kepercayaan rakyat. Pelancaran Dasar Komuniti Negara telah dilaksanakan pada 17 Februari 2019.
- ▶ Sebanyak 19 Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti telah ditubuhkan di PPR Rintis.
- ▶ Kajian sedang dibuat berhubung pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- ▶ Usaha mengukuhkan akauntabiliti PBT turut digariskan dalam NACP berhubung menangani pengaruh politikcadangan menubuhkan suruhanjaya perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan serta memperkenalkan pusingan kerja untuk pegawai dan kakitangan PBT (Rujukan: NACP).

CARTA: RINGKASAN PENCAPAIAN

Pihak Berkuasa Tempatan



D. PENGURUSAN KEWANGAN

1.8 Sistem Perolehan Kerajaan

OBJEKTIF

Memastikan Sistem Perolehan Kerajaan yang telus ke arah faedah maksimum untuk wang rakyat. (Janji 23)

PENCAPAIAN

- ▶ Memastikan sistem tender terbuka untuk projek-projek besar - Mengurangkan perolehan secara rundingan terus bagi pelaksanaan projek-projek di bawah JKR.
- ▶ Memastikan kriteria bidaan yang telus, prosedur pemberian kontrak dirombak. UKAS telah dipindahkan ke Kementerian Kewangan.
- ▶ Penggunaan teknologi maklumat dan sistem atas talian akan diperkembangkan melalui sistem e-Work dalam memantau pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai. (Rujukan: NACP)


1.9 Meningkatkan ketelusan dan integriti belanjawan dan proses belanjawan

OBJEKTIF

Memastikan Sistem Belanjawan Kerajaan yang telus ke arah faedah maksimum untuk wang rakyat. (Janji 29)

PENCAPAIAN

- ▶ Menyediakan Laporan Pertengahan Penggal Pengurusan Kewangan.
- ▶ Melaksanakan Sistem Perakaunan Akrua sepenuhnya bermula tahun 2021.
- ▶ Keterlibatan awam melalui amalan 'White Paper' telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas dan input secara terbuka berhubung langkah Belanjawan dan dilaksanakan secara berperingkat dalam Belanjawan 2020.
- ▶ Akta Kebertanggungjawaban Fiskal akan dilaksanakan pada tahun 2021 bagi meminimumkan off-budget.
- ▶ MOF mensasarkan sehingga tahun 2022, skor Open Budget Index (OBI) Malaysia akan dapat dipertingkatkan.



E. PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

1.10 Memisahkan Pejabat Pendakwaraya Negara daripada Pejabat Peguam Negara (Janji 15)


OBJEKTIF

- Memastikan pengasingan kuasa dibuat bagi mempertingkatkan kredibiliti dan menambahbaik keberkesnaan Institusi Sistem Perundangan dan Kehakiman.
- Jawatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya diasingkan agar konflik kepentingan boleh dihapuskan. Jawatan Pendakwa Raya bebas daripada kepentingan politik.

PENCAPAIAN

- ▶ Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan pada 30 November 2018 untuk meneliti dan melaksanakan kajian lanjut berhubung pengasingan peranan pendakwa raya dan peguam negara.

- ▶ Jawatankuasa Kecil Kajian Organisasi Pejabat Pendakwa Raya telah ditubuhkan pada 14 Mac 2019.
- ▶ Kajian sedang dilaksanakan berhubung pemisahan Pejabat Pendakwa Raya Negara daripada Pejabat Peguam Negara dan laporan kajian dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada Julai 2020.
- ▶ Kajian sedang dilaksanakan berhubung pindaan Perlembagaan Persekutuan dan beberapa undang-undang lain berkaitan perkara ini dan dijangka dibentangkan pada akhir tahun 2020.



1.11 Mengembalikan kepercayaan terhadap institusi kehakiman dan perundangan (Janji 19)

OBJEKTIF

Mempertingkatkan kredibiliti dan keberkesanan Sistem Kehakiman.

PENCAPAIAN

- ▶ Keanggotaan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan diputuskan oleh Jawatankuasa Terpilih Parlimen. Kajian sedang dilaksanakan berhubung pindaan undang-undang berkaitan.
- ▶ Para hakim memberi penghakiman bertulis setiap kali keputusan kes diumumkan.
- ▶ Kod Etika Hakim sedang dikaji dan disemak (Rujukan: NACP)
- ▶ Menambah Mahkamah Rasuah di seluruh negara.
- ▶ Mengkaji pemisahan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman kepada tiga suruhanjaya berasingan.

F. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Pemantapan Mekanisme Pengawasan (Oversight Mechanism)

The World Bank's Governance Indicator menilai tadbir urus pihak berkuasa (authority) di sesebuah negara. Antara indikator yang digunakan dalam penilaian tersebut adalah 'rule of law' dan 'voice and accountability' berkaitan pengwujudan mekanisme pengawasan (oversight mechanism) dalam sistem pentadbiran Kerajaan. Laporan Worldwide Governance Indicators (WGI) 2018 oleh World Bank menunjukkan prestasi negara dan pengwujudan mekanisme pengawasan


Governance Indicators (2018)			Presence of Oversight Mechanisms				
Countries	Score in Voice and Accountability	Score in rule of law	Score in Control Of Corruption	Human Right Commission	Anti- Corruption Agency	National Ombudsman	Specialised Police Complaints Organisation
Australia	95.57	92.79	92.79	/	/	/	/
South Korea	73.89	86.06	72.12	/	/	/	/
Hong Kong	62.07	95.19	92.31		/	/	/
Malaysia	41.38	74.52	63.04	/	/		

OBJEKTIF

Memastikan keberkesanan undang-undang dan agensi penguatkuasaan ke arah usaha membanteras rasuah.

PENCAPAIAN

- ▼ Kerajaan telah bersetuju secara dasarnya bagi perkara-perkara berikut:
 - ▼ Menaiktaraf SPRM kepada sebuah suruhanjaya yang diiktiraf oleh Perlembagaan.
 - ▼ Memastikan semak imbang efektif bagi SPRM (wujudkan kuota dan pelantikan Pesuruhjaya SPRM dilantik secara demokratik oleh Parlimen).
 - ▼ Menyemak semula Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ada memperuntukkan perlindungan terhadap pemberi maklumat yang telah mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar. Walau bagaimanapun, akta ini sedang dilihat semula kerana terdapat ruang yang perlu ditambah baik mengiku piawai di peringkat antarabangsa.
- ▼ Menggubal Akta Kebebasan Maklumat dan menyemak Akta Rahsia Rasmi 1972. Perkara ini sedang dikaji oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri.
- ▼ Kerajaan telah menambah baik mekanisme pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen. Semua Ahli Parlimen diwajibkan untuk mengisytiharkan harta melalui usul Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) dan salinan kepada SPRM. Selain daripada itu, semua Anggota Pentadbiran (termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri) telah mengisytiharkan harta kepada Perdana Menteri dan salinan kepada SPRM. Maklumat pengisytiharan dipaparkan dan boleh diakses di portal berikut: <https://mydeclaration.sprm.gov.my>.





1.13 Menjadikan PDRM sebagai sebuah pasukan yang dihormati dan disegani

OBJEKTIF

- Memperkasa dan menangani isu-isu integriti PDRM. Selaras dengan Janji 20 alam Manifesto Kerajaan.
- Suruhanjaya yang akan ditubuhkan ini akan memastikan tuduhan salah laku disiasat secara adil dan menyeluruh, termasuklah berhubung siasatan kematian dalam tahanan.

PENCAPAIAN


- ▶ Kerajaan telah mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis atau Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) sebagai suatu

mekanisme pengawasan untuk memastikan akauntabiliti serta ketelusan PDRM dan mengembalikan keyakinan orang awam terhadap PDRM.

- ▶ RUU IPCMC bacaan kali kedua telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 07 Oktober 2019.

IMPAK PELAKSANAAN

- ◆ Meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti pasukan polis.
- ◆ Meningkatkan keyakinan orang awam terhadap integriti pasukan polis.





1.14 Mempertahankan sempadan negara daripada pencerobohan, penyeludupan dan pemerdagangan Manusia (Janji 58).

OBJEKTIF

Mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan yang dilaporkan bernilai sehingga berbilion ringgit akibat daripada kegiatan jenayah kewangan seperti pelarian cukai pendapatan, pelarian cukai dan duti kastam serta penyeludupan.

INISIATIF PEMBAHARUAN

- RUU Penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFACC) telah diluluskan di Dewan Negara pada 19 Disember 2019 yang bertanggungjawab kepada penyiasatan jenayah kewangan terancang serta menguruskan aset sitaan dan pelucuthakan.

- Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kewujudan kem pemerdagangan manusia dan pembunuhan di Wang Kelian Perlis melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Januari 2019.

IMPAK PELAKSANAAN

- ◆ Meningkatkan hasil negara dan mengekang ketirisan dalam pengurusan dana awam

G.TADBIR URUS KORPORAT

1.15 Menyelesaikan skandal 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji (Janji 13)

PENCAPAIAN

- ▶ Pasukan Siasatan Khas 1MDB telah ditubuhkan pada tahun 2018.
- ▶ Kajian semula struktur pentadbiran 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji sedang dilaksanakan untuk semak dan imbang yang efektif.
- ▶ Antara keputusan dasar yang telah dibuat adalah tiada lagi lantikan politik dalam Ahli Lembaga Pengarah GLC.

1.16 Menjadikan pentadbiran semua syarikat milik Kerajaan (GLC) setaraf dengan piawaian antarabangsa (Janji 22)

PENCAPAIAN

- ▶ Memastikan pelantikan ahli lembaga pengarah ke dalam GLC dari kalangan professional dan tiada kaitan politik.
- ▶ Semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diberi tempoh dua tahun untuk menubuhkan Unit Integriti dan Governans (IGU), bermula tarikh arahan iaitu 5 Oktober 2018. Unit berkenaan perlu diletakkan di bawah Lembaga Pengarah Syarikat, manakala pelaksanaan dan pelaporan fungsi teras dikawal selia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- ▶ Kerajaan bersetuju dengan cadangan supaya peruntukan undang-undang baharu mengenai pemunya benefisiari (beneficiary ownership – BO) dimasukkan dalam Akta SPRM 2009 bagi tujuan ketelusan tadbir urus korporat. Pada masa yang sama, satu garis panduan berhubung pelaporan BO dan Sistem Pendaftaran sedang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

H. HAK ASASI MANUSIA

1.17 Menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai rekod hak asasi manusia yang dihormati dunia (Janji 26)

PENCAPAIAN

- ▶ Memperkasakan SUHAKAM. Kerajaan kini dalam tindakan untuk mengkaji pindaan Akta SUHAKAM 1999
- ▶ Buat pertama kalinya, Laporan Tahunan SUHAKAM dibentangkan di Parlimen pada 7 Oktober 2019.
- ▶ Kerajaan bersetuju pelantikan Pesuruhjaya SUHAKAM melalui Parlimen. Perkara ini kini dalam tindakan melibatkan pindaan Akta.
- ▶ Menambahbaik NHRAP – Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019 telah bersetuju supaya Bahagian Hal Ehwal Undang Undang (BHEUU) membangunkan Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR).
- ▶ Proses ratifikasi perjanjian-perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia perlu dikaji semula kerana terdapat peruntukan yang tidak sesuai dengan nilai masyarakat di negara ini.

1.18 Membela nasib orang asal di Semenanjung Malaysia (Janji 38)

PENCAPAIAN

- ▶ Merombak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) –Kerajaan bersetuju supaya kajian dibuat berhubung penstrukturan semula jawatan JAKOA.
- ▶ Laporan Inkuiri Nasional –Kerajaan bersetuju supaya BHEUU, JPM menyelaraskan hal-hal berkaitan hak asasi manusia dan pelaksanaan Laporan Inkuiri Nasional.
- ▶ Bagi memastikan orang asli mendapat pembelaan lebih baik dalam skim pembangunan tanah,
- ▶ Orang asli mendapat pembelaan lebih baik dalam skim pembangunan tanah –kajian hak tanah adat orang asli dibuat.

1.19 Memulangkan dan menjamin hak tanah adat Sabah dan Sarawak (Janji 48)

Melaksanakan syor dalam Laporan Inkuiri Nasional- Kerajaan bersetuju supaya BHEUU, JPM menyelaraskan hal-hal berkaitan hak asasi manusia dan pelaksanaan Laporan Inkuiri Nasional.

1.20 Memartabatkan peranan Malaysia dalam institusi antarabangsa (Janji 60).

PENCAPAIAN

- ▶ Memperkasa Wisma Putra dengan dasar luar yang bernas dan kumpulan diplomat yang cekap.
- ▶ Kerajaan juga bersetuju supaya jawatan-jawatan Ketua Perwakilan di luar negara dibuat daripada perkhidmatan awam negara dan tiada lagi lantikan politik.
- ▶ Kajian juga sedang dibuat bagi penempatan wakil-wakil agensi seperti Jabatan Pendidikan, MARA, atas tentera dan sebagainya.
- ▶ Satu garis panduan penyelarasan bagi memastikan semua tatacara dan mekanisme governans dipatuhi di semua perwakilan luar negara telah diwujudkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2018 ' Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri ' (SPKM) yang telah berkuat kuasa mulai 8 November 2018.





AKTIVITI

Bahagian Penyelidikan Anti Rasuah
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Komunikasi Media



BAHAGIAN PENYELIDIKAN ANTI-RASUAH

PENGENALAN

Keputusan Kerajaan menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) adalah sebagai *focal point* kepada penyelarasan isu-isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah di semua agensi awam dan entiti-entiti yang berkaitan. Kerajaan mengambil langkah untuk memantapkan dan mengukuhkan integriti bagi menentukan agar penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke aras sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang. Iltizam Kerajaan dalam menubuhkan GIACC selepas kemenangan barisan Pakatan Harapan pada pilihanraya yang ke-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu juga bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh supaya dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Seiring dengan matlamat tersebut, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah telah ditubuhkan pada 1 Jun 2018. Bahagian Penyelidikan Antirasuah, Anti-Corruption Research Division (ACRD) merupakan salah satu Bahagian daripada enam (6) Bahagian yang terdapat di dalam carta organisasi GIACC. Fungsi dan peranan Bahagian Penyelidikan Antirasuah adalah seperti berikut :-

- i) Mengurus pelaksanaan kajian berbentuk kajian kuantitatif dan kualitatif berkaitan isu kecenderungan perlakuan rasuah dan pelanggaran salah laku dan integriti ke atas organisasi.
- ii) Mengurus pelaksanaan data mining - Proses mengumpul, mengekstrak dan menganalisis data sekunder, data objektif dan lain-lain berkaitan governans, integriti dan antirasuah.
- iii) Mengurus pemantauan dan penilaian inisiatif-inisiatif antirasuah entiti Kerajaan dan organisasi berkepentingan.
- iv) Mengurus pentadbiran dan penyelarasan mesyuarat, sesi bersemuka, sesi perbincangan, *round table*, bengkel, *focus group* dan tugas-tugas khas berkaitan antirasuah.

PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PENYELIDIKAN ANTIRASUAH

Agenda Pembentukan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023v

Idea pembentukan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, National Anti-Corruption Plan (NACP) terzhahir selepas selepas kemenangan kerajaan baharu iaitu Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum ke-14 yang sangat memberi penekanan terhadap usaha supaya Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukan rasuahnya. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu rasuah di negara ini daripada dilabelkan sebagai sebuah negara kleptokrasi.

Secara rasminya, Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Sejurus pelancaran tersebut, satu Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 berhubung dengan Pelaksanaan Pelan Antrirasuah Nasional telah dikeluarkan berkuatkuasa mulai 29 Mac 2019. Ia merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia memberi panduan yang jelas kepada tanggungjawab masing-masing dalam memastikan NACP dan agenda semua kementerian dan agensi-agensi tentang

keperluan, peranan dan masing-masing dilaksanakan dengan sempurna

Secara ringkasnya, NACP mengandungi 115 inisiatif yang terkandung dalam 6 strategi yang mana ia terbahagi kepada tiga(3) fasa jangka masa iaitu:-

- i) Jangka Masa Pendek melibatkan 30 inisiatif
- ii) Jangka Sederhana melibatkan 31 inisiatif
- iii) Jangka Panjang melibatkan 54 inisiatif

Enam strategi yang digariskan di dalam NACP ini terhasil daripada analisis-analisis yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber dalaman mahupun antarabangsa yang akhirnya telah membawa kepada 6 strategi utama dalam membentuk Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 iaitu:-

- i) Memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik.
- ii) Memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.
- iii) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.
- iv) Mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman.
- v) Menginstitusi Kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang.
- vi) Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

Terdapat sebanyak 24 Agensi Pelapor (Agensi Peneraju) kepada 115 inisiatif yang perlu dilaporkan kepada Sekretariat GIACC pada setiap tiga (3) bulan sekali (pelaporan suku tahun) dengan menggunakan format pelaporan yang telah disediakan. Hasil laporan inisiatif tersebut akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Prestasi Pelan Antirasuah Nasional Bersama Agensi Peneraju yang mana mesyuarat ini telah berlangsung sebanyak dua (2) kali pada tahun 2019 iaitu pada 20 Mac 2019 dan 20 November 2019.

Di dalam menjayakan agenda NACP ini, pegawai-pegawai daripada pelbagai latar belakang dan daripada pelbagai peringkat

agensi telah dilatih untuk menjadi jurucakap (Resource Person) dan wakil kepada agensi masing-masing dalam menyampaikan penerangan yang lengkap dalam menyampaikan penerangan yang lengkap berkenaan NACP.

- i. Sebanyak lima (5) siri Bengkel Train of Trainers (TOT) telah dilaksanakan bermula daripada bulan Februari sehingga April 2019 dan telah berjaya melahirkan seramai 215 orang jurucakap atau Resource Person NACP. Para Resource Person ini juga adalah berkelayakan untuk memberi taklimat penerangan serta mengendalikan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Jadual 1 : Siri Bengkel Train of Trainers Pelan Antirasuah Nasional Tahun 2019

Bil.	Perkara	Tarikh	Bilangan Peserta	Kumpulan Sasaran
1.	Bengkel Train of Trainers Siri 1 Tahun 2019	20-21 Februari 2019	41 orang	Pegawai SPRM Ibu Pejabat & Pegawai IIM
2.	Bengkel Train of Trainers Siri 2 Tahun 2019	25-26 Februari 2019	42 orang	Pegawai SPRM Ibu Pejabat & Pegawai Unit Integriti Kementerian
3.	Bengkel Train of Trainers Siri 3 Tahun 2019	27-28 Februari 2019	39 orang	Pegawai SPRM Negeri
4.	Bengkel Train of Trainers Siri 4 Tahun 2019	22-23 April 2019	47 orang	Pegawai Unit Integriti SUK Negeri dan Agensi Peneraju NACP
5.	Bengkel Train of Trainers Siri 2 Tahun 2019	24-25 April 2019	46 orang	Pegawai dari Agensi Peneraju NACP
JUMLAH			215 orang	

- ii. Antara agensi-agensi yang menyertai 5 siri bengkel tersebut adalah pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institusi Integriti Malaysia (IIM), pegawai-pegawai dari Unit Integriti seluruh Kementerian, pegawai-pegawai Unit daripada pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), pegawai-pegawai dari agensi peneraju yang dikenalpasti melalui inisiatif NACP,

Government Link Company (GLC) dan juga ahli-ahli dari Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO). Pegawai-pegawai yang terlatih ini akan menjadi jurucakap NACP di seluruh negara bagi menyampaikan hasrat dan amanat yang terkandung di dalam NACP difahami dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Bengkel Train of Trainers Siri 1 hingga Siri 5/2019

Aktiviti Pengurusan Bahagian Penyelidikan Antirasuah

Bahagian ini selain daripada menjalankan penyelidikan, ia juga yang berperanan sebagai penyelarasan dan merancang dalam hal-hal berkaitan dengan menggubal dasar-dasar negara khususnya berkenaan dengan integriti dan antirasuah. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan

bermula pada tahun 2018 sebelum terhasilnya Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 adalah sesi bersemuka bersama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian sepertimana Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Sesi Bersemuka Bersama Ketua Setiausaha Kementerian

Bil.	SESI BERSEMUKA	TARIKH
1.	Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan	17 Julai 2018
2.	Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan	19 Julai 2018
3.	Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri	14 Ogos 2018
4.	Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya	16 Ogos 2018
5.	Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan	17 Ogos 2018
6.	Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama	27 Ogos 2018
7.	Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri	27 Ogos 2018
8.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	28 Ogos 2018
9.	Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri	4 September 2018
10.	Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat	4 September 2018
11.	Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan	7 September 2018
12.	Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan	20 September 2018
13.	Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa	21 September 2018
14.	Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	02 Oktober 2018
15.	Ketua Setiausaha Kementerian pengangkutan	03 Oktober 2018
16.	Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	04 Oktober 2018
17.	Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar	05 Oktober 2018
18.	Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	15 Oktober 2018
19.	Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan	07 November 2018
20.	Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia	30 November 2018
21.	Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan	17 Januari 2019



Sesi pertemuan antara GIACC bersama
Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian

Sebanyak 21 sesi bersemuka bersama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian telah dilaksanakan semenjak bulan Julai 2018 sehingga Januari 2019 yang mana tujuan sesi ini adalah sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 2 Bil 2 Tahun 2018 pada 9 Julai 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bahawa sesi perbincangan bersemuka secara terus antara Ketua Setiausaha (KSU) setiap Kementerian dengan pihak GIACC hendaklah dilaksanakan bagi mengenalpasti isu/permasalahan sebenar rasuah, integriti dan governans dalam Kementerian dan mengenalpasti kaedah penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah rasuah, integriti dan governans agar lebih holistik dan berkesan. Selain itu perbincangan ini juga dilaksanakan bagi mengenalpasti tindakan susulan bagi menangani isu rasuah, ketirisan dan penyelewengan dalam Kementerian.

Pendekatan serupa pernah dilaksanakan oleh Presiden Lee Kwan Yew di Singapura pada tahun 1980an bersama semua KSU Kementerian bagi membincangkan isu sebenar berkaitan rasuah, integriti dan governans.

Turut terlibat dalam sesi perbincangan ini adalah pihak Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara Suruhanjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang merupakan ahli tetap mesyuarat ini yang mana dengan kehadiran mereka dapat mengupas lebih lanjut isu-isu yang dibangkitkan oleh setiap Kementerian untuk mencapai satu kata sepakat dalam mencari jalan penyelesaian.

Hasil daripada sesi perbincangan tersebut telah membawa kepada satu idea untuk memasukkan inisiatif-inisiatif yang memerlukan penambahbaikan dalam agenda antirasuah negara di dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.

Jadual 3: Sesi Bersemuka Bersama Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri

Bil.	SESI BERSEMUKA	TARIKH
1	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	04 April 2019
2	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	05 April 2019
3	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	08 April 2019
4	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	09 April 2019
5	Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	11 April 2019
6	Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu	19 April 2019
7	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	26 April 2019
8	Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	07 Mei 2019
9	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	16 Mei 2019
10	Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL)	16 Mei 2019
11	Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	17 Mei 2019
12	Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak	27 Mei 2019
13	Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah	27 Mei 2019
14	Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	26 Julai 2019

Merujuk kepada Jadual 3, sebanyak 14 sesi bersemuka/perbincangan bersama Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) sepanjang bulan April hingga Julai 2019. Ia merupakan rentetan/susulan daripada pertemuan bersama KSU-KSU yang mana ia lebih fokus kepada bidang negeri hingga ke akar umbi segala permasalahan boleh diperbincangkan dan jalan penyelesaian dapat diatasi.


Tujuan sesi bersemuka bersama SUK-SUK Negeri ini adalah sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 5 Bil. 5 Tahun 2018 pada 21 November 2018 dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

Ke-133 pada 26 Februari 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang telah memutuskan bahawa Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) diberi mandat untuk membuat perbincangan secara sesi bersemuka dengan semua Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Government Linked-Company (GLC) dan institusi berkaitan bagi merealisasikan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Sesi perbincangan bersemuka secara terus antara Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Government Linked-Company (GLC) hendaklah dilaksanakan bagi:

- i) Mengenalpasti isu/permasalahan sebenar rasuah, integriti dan governans dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- ii) Mengenalpasti kaedah penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah rasuah,

integriti dan governans agar lebih holistik dan berkesan.

- iii) Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang melibatkan Kerajaan Negeri



Mesyuarat bersama Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Bahagian Penyelidikan Antirasuah juga dipertanggungjawabkan dalam menyelaras mesyuarat bersama lima (5) agensi penguatkuasa utama di negara ini iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam

Negeri (LHDN), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Jadual4: Sesi Perbincangan GIACC Bersama Agensi Penguatkuasa

BIL.	SESI BERSEMUKA	TARIKH
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	09 Julai 2019
2.	Kastam Diraja Malaysia (KDRM)	10 Julai 2019
3.	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	01 Ogos 2019
4.	Jabatan Imigresen Malaysia	03 September 2019
5.	Jabatan Pengangkutan Jalan	05 September 2019

Objektif sesi bersemuka di antara Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan agensi-agensi penguatkuasa yang terdapat dalam Jadual 3 adalah sebagai platform untuk mengadakan perbincangan secara sesi bersemuka bagi merealisasikan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Sesi perbincangan ini dilaksanakan bagi mengenalpasti tiga (3) tujuan berikut :-

- i) Menenalpasti isu/permasalahan sebenar rasuah, integriti dan governans dalam agensi-agensi penguatkuasa.
- ii) Menenalpasti kaedah penyelesaian terbaik bagi menangani masalah rasuah, integriti dan governans agar lebih holistik dan berkesan; dan
- iii) Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasa.

Aktiviti Keterlibatan / Naziran / Pemantauan

Sesi Keterlibatan Bersama Agensi Peneraju NACP.

Dalam mengenalpasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau mengikut tempoh masa pelaksanaan yang telah ditetapkan. Indikator ini akan berfungsi sebagai pendum terbaik kepada Sekretariat GIACC dan JKKMAR untuk mengabsahkan setiap pelan pelaksanaan bagi setiap program dan inisiatif oleh agensi peneraju.

Sepanjang 17 September 2019 sehingga 14 Oktober 2019, sebanyak 21 agensi peneraju telah hadir untuk membincangkan progress dan keberhasilan inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional yang mana bertujuan untuk mengenalpasti sekiranya terdapat sebarang permasalahan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah tanggungjawab agensi masing-masing. Tujuan sesi perbincangan tersebut adalah untuk menentukan keberhasilan dan impak yang boleh dicapai oleh organisasi berdasarkan kepada inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

Jadual 5 : Jadual Perbincangan Progres Dan Keberhasilan
Inisiatif Di Bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

Bil.	TARIKH PERBINCANGAN	AGENSI
1.	17 September 2019 (Selasa)	Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)
2.	20 September 2019 (Jumaat)	Kementerian Kewangan (MOF)
3.		Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4.	23 September 2019 (Isnin)	Jabatan Perdana Menteri - ICU
5.		Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
6.	24 September 2019 (Selasa)	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
7.		Kementerian Dalam Negeri (KDN)
8.	25 September 2019 (Rabu)	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
9.		Jabatan Peguam Negara (AGC)
10.		Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)
11.		Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
12.	26 September 2019 (Khamis)	Kementerian Kerja Raya (KKR)
13.		Jabatan Kerja Raya (JKR)
14.		Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
15.	27 September 2019 (Jumaat)	Parlimen Malaysia
16.		Jabatan Audit Negara (JAN)
17.		Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
18.	1 Oktober 2019 (Selasa)	Wisma Putra (KLN)
19.		Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
20.	2 Oktober 2019 (Rabu)	Jabatan Standard Malaysia (JSM)
21.	14 Oktober 2019 (Isnin)	JPM-Dasar GIACC

Bermula pada 29 Ogos 2019 dan 10 September 2019, telah diadakan sesi mesyuarat Penyelarasan Inisiatif Di Bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 melibatkan 7 buah agensi iaitu :-

Jadual 6 : Senarai Agensi Yang Terlibat Dalam Mesyuarat Penyelarasan Inisiatif Di Bawah Pelan Antirasuah Nasional pada 29 Ogos 2019 dan 10 September 2019

Bil.	Agensi
1.	Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
2.	Kementerian Kewangan
3.	Jabatan Perkhidmatan Awam
4.	Pejabat Ketua Hakim Negara
5.	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
6.	Jabatan Peguam Negara
7.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tujuan diadakan mesyuarat tersebut kerana melalui pemantauan dan pelaporan yang telah dihantar oleh agensi pemeraju kepada pihak Sekretariat GIACC pada bulan Julai 2019 yang lalu, pihak Sekretariat GIACC telah mengenalpasti beberapa kemusykilan mengenai isu dan cabaran mengenai dua (2) inisiatif di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) iaitu :-

- i) Mengkaji dan menyemak semula Kod Etika Hakim dengan membuat pindaan melalui penambahan perkara berkaitan tegahan ke atas hakim untuk menerima sebarang pelantikan dalam jawatan di entiti komersial dalam tempoh tiga tahun sejurus selepas tarikh persaraan.

- ii) Memisahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kepada tiga suruhanjaya yang berasingan:

- a. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman bertanggungjawab dalam penggajian pegawai kehakiman.
- b. Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan bertanggungjawab dalam penggajian di Jabatan Peguam Negara.
- c. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendakwaraya bertanggungjawab dalam penggajian Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Pendakwaan.

Pada 17 September 2019 juga telah dilaksanakan Mesyuarat Penyelarasan Berkaitan Entiti-Entiti Berkepentingan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2019. Mesyuarat ini bertujuan untuk mencari keselarasan di antara setiap entiti-entiti berkepentingan kerajaan bagi maksud tafsiran akronim, skop yang digunapakai, sistem pemilikan dan kawalan terhadap sektor korporat. Dengan adanya penyelarasan ini, diharapkan tidak akan wujud lagi isu-isu yang berkaitan dengan governans mengenai penyalahgunaan terma-terma entiti berkepentingan kerajaan dan sekaligus memberi penerangan kepada semua pihak dan makluman mengenai kewujudan entiti-entiti berkenaan, peranan yang dimainkan oleh Kerajaan dari segi pengawalan rekod, objektif penubuhan dan bagaimana kewujudan entiti tersebut merencanakan pertumbuhan ekonomi di sektor korporat.

- i) Antara agensi yang dijemput ke mesyuarat tersebut adalah Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Audit Negara, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pembangunan Usahawan, Jabatan Perdana Menteri, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Khazanah Nasional dan SME Corporation Berhad.

Program / Bengkel Anjuran Bahagian Penyelidikan Antirasuah

Bengkel Penyelarasan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 “Gerakan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran

Kerajaan Malaysia : Pemeraksanaan Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan.

- i) Kerajaan bersetuju supaya Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMPKP) dipinda kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 8 Jun 2018. Mesyuarat JKKMPKP Siri 70/ JKKMAR Siri 1 Bil.1 Tahun 2018 pada 8 Jun 2018 telah bersetuju supaya usaha pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan mengenai governans, integriti dan antirasuah perlu diberi penekanan serius.
- ii) Bengkel ini dianjurkan pada 03 September 2018 di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) untuk menderaf dan memurnikan Arahan ini yang mana mendukung usaha memperkukuhkan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan yang direalisasikan melalui pembentukan inisiatif Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan bagi menggantikan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Matlamat utama pemantapan ini adalah untuk memastikan pengurusan Pentadbiran Kerajaan bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- iii) Bengkel sehari ini telah disertai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah GIACC, YBhg. Tan Seri Abu Kassim Bin Mohamad.

Bengkel Perancangan Senario bersama Unit Khas Teknologi Tinggi Malaysia atau lebih dikenali sebagai Malaysia *Industry Government Group for High Technology* (MIGHT)

i) Bengkel ini telah dilaksanakan selama dua (2) hari bertempat di pejabat MIGHT Cyberjaya iaitu pada 16-17 Oktober 2018. Antara matlamat utama bengkel ini adalah untuk meneroka idea secara bersama bagi mencapai harapan masa depan yang ingin dicapai serta mengenalpasti ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan iaitu Senario Kesenambungan, Senario Kekangan, Senario Perkembangan dan Senario Merudum.

ii) Antara risiko-risiko yang terungkai adalah :-

- a. Data dan maklumat sebagai komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi
- b. Kemerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk
- c. Media yang prejudis
- d. Amalan rasuah diawal usia
- e. Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mula dipersoal
- f. Kewujudan “Little Napoleons” yang menggambarkan penjawat awam yang kurang membantu, angkuh dan sombong.

iii) Hasil akhir senario antirasuah yang menjurus kepada pandangan masa hadapan, telah dapat memudahkan pembuat dasar supaya dapat memberi perhatian yang lebih kepada risiko-risiko yang telah terungkai juga beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam membentuk inisiatif-inisiatif governans, integriti dan antirasuah negara untuk masa hadapan sebagaimana termaktub dalam Bab Dua (2) Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

Bengkel Focus Group Government Service Delivery System Di Bawah Technical Working Group (Twg) Bumiputera : Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

i) Pada 04 September 2019, satu Bengkel Focus Group Service Delivery System di Bawah Technical Working Group (TWG) Bumiputera di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas di Institut Integriti Malaysia, 2021-2015 telah dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan Antirasuah GIACC.

ii) Matlamat bengkel ini dianjurkan bagi tujuan untuk menyediakan Kertas Strategi bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas dalam komponen TWG: Bumiputera. Bahagian Penyelidikan Antirasuah telah ditugaskan untuk memastikan kelancaran bengkel berlangsung. Seramai 24 orang peserta telah menghadiri bengkel sehari ini. Antaranya peserta yang dijemput adalah dari kalangan agensi yang berteraskan Bumiputera seperti Kementerian Kewangan, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Khazanah Nasional, TEKUN Malaysia dan lain-lain.



Bengkel Global Cooperation Training Framework – Anti Corruption In Public And Private

- i) Bengkel yang berlangsung pada 26-28 Mac 2019 di Taipei, Taiwan telah dihadiri oleh Puan Rasidah binti Abdul Karim dan Puan Shamina binti Ali. Antara matlamat bengkel ini diadakan adalah untuk mendalami fungsi dan perkembangan terbaru dalam bidang antirasuah.

Study Visit For Establishing AIA-like Mechanism in Malaysia

- i) Pada 23-27 April 2019, satu lawatan kerja ke Korea Selatan bertujuan untuk mempelajari dengan lebih dekat dan mendalami konsep serta pelaksanaan mekanisme pemantauan inisiatif antirasuah oleh pihak ACRC Korea Selatan yang kini telah dilaksanakan sepenuhnya di 3 negara iaitu Vietnam, Myanmar dan Kosovo. Lawatan ini juga

dilihat berupaya melengkapkan pegawai-pegawai Malaysia dengan pengetahuan teknikal dan dasar berhubung mekanisme pelaksanaan AIA, di samping membantu mengenal pasti pelan tindakan dan langkah-langkah konkrit yang perlu dalam usaha mewujudkan mekanisme beracuan AIA yang sesuai dalam konteks Malaysia. Akhir sekali, lawatan ini secara tidak langsung mengeratkan jalinan kerjasama dua hala Malaysia – Korea Selatan serta memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk memperkukuh hubungan diplomatik bagi tujuan formulasi, pelaksanaan dan pemantauan dasar berhubung integriti dan antirasuah.

- ii) Pegawai-pegawai yang mewakili GIACC dalam lawatan tersebut diketuai oleh YBhg. Datuk Dr Anis bin Yusal, Tuan Haji Mohd Gunawan bin Che Ab Aziz, Puan Shamina binti Ali dan Puan Fairin Huda binti Faivdullah.

IACA Summer Academy 2019

- i) Pada 4-5 Julai 2019, Ketua Pengarah GIACC, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan Puan Shamina binti Ali telah menghadiri program dua hari IACA Summer Academy 2019 di Vienna, Austria yang mana 'Reunion' ini menyediakan para alumni dengan peluang untuk melayari laman sesawang dengan rakan-rakan alumni, untuk mendapat manfaat daripada pensyarah interaktif dan dipilih khusus untuk acara ini, dan kemungkinan untuk memperluaskan rangkaian profesional mereka melalui rangkaian dengan peserta Summer Academy semasa. Para peserta alumni ini adalah mereka yang profesional dan berkerjaya di peringkat pertengahan dan tinggi, yang datang dari pelbagai bidang, kebanyakan mereka telah menghadiri program Summer Academy IACA, dan/atau latihan lain dan juga sebahagiannya menyelesaikan program Masters in Anti-Corruption Studies (MACS).

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

KETERLIBATAN PERUNDANGAN

PENGENALAN

Bahagian Undang-Undang merupakan salah satu Bahagian daripada enam (6) Bahagian yang terdapat di dalam carta organisasi GIACC. Antara fungsi dan peranan Bahagian Undang-Undang adalah seperti berikut:-

- i) Menasihati GIACC mengenai aspek perundangan;
- ii) Mentadbir Akta dan perundangan subsidiari yang berada di bawah bidang kuasa GIACC;
- iii) Mendraf atau meminda Perlembagaan Persekutuan/ Akta/ Rang Undang-Undang /perundangan subsidiari /Pekeliling atau surat cara kuasa undang-undang
- iv) Memberi pandangan undang-undang berkaitan isu perundangan sebagaimana yang diminta oleh GIACC;
- v) Membuat tafsiran undang-undang kepada Akta-akta Persekutuan, perundangan subsidiari dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/Negara;
- vi) Memastikan perjanjian/kontrak yang dimasuki oleh GIACC sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang dan menjaga kepentingan kerajaan;
- vii) Menghadiri mesyuarat atau perbincangan berkaitan undang-undang yang melibatkan GIACC;
- viii) Menyediakan jawapan kepada soalan-soalan yang berkaitan undang-undang yang melibatkan GIACC di Dewan Rakyat dan Dewan Negara;
- ix) Menjadi perantaraan antara GIACC dengan Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-undang Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang lain; dan
- x) Membuat kajian undang-undang sebagaimana yang diarahkan oleh GIACC.

PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI OLEH BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Sepanjang tempoh antara bulan Julai 2018 hingga bulan November 2019, BUU GIACC telah terbabit dalam beberapa perkara utama di GIACC antaranya ialah penggubalan rang undang-undang dan pelan anti rasuah kebangsaan (NACP) serta merangka proses perisytiharan harta ahli Parlimen termasuk menyediakan usul perisytiharan tersebut di Parlimen.

Berhubung dengan penggubalan rang undang-undang tersebut, sepanjang tempoh Julai 2018 hingga November 2019, BUU telah mendraf empat (4) rang undang-undang yang mana ia telah diluluskan oleh GIACC dan dikemukakan kepada pemegang taruh yang berkenaan. Rang undang-undang tersebut adalah seperti yang berikut:

- i) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (IPCMC);
- ii) Rang Undang-Undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 (NAFCC);
- iii) Rang Undang-Undang Sumbangan Politik; dan
- iv) Rang Undang-Undang Ombudsman.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN BEBAS SALAH LAKU POLIS (IPCCM) 2019

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018 telah bersetuju dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah Siri 4 Bilangan 4/2018 bertarikh 21 September 2018 bagi menjenamakan semula dan memperkasakan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dengan menjadikannya sebagai IPCCM dengan menggantikan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 dengan suatu Akta baharu digubal.

Selaras dengan keputusan tersebut, suatu rang undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (RUU IPCCM) digubal dan dibacakan pada kali pertama di Mesyuarat Kedua Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua pada 18 Julai 2019.

Sehubungan itu, BUU bersama Pejabat Menteri (Undang-Undang) dan SIAP telah mengadakan beberapa sesi libat urus bagi mengumpul pandangan berkaitan RUU IPCCM daripada beberapa pihak berkepentingan seperti berikut:-

- i) 6 Ogos 2019 – bersama Lawyers for Liberty, Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights, Human Rights Watch, SUARAM, SUHAKAM, Majlis Peguam Malaysia, dan Ahli Dewan Rakyat seperti YB Kathuriraani a/p Patto, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan YB Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar;
- ii) 15 Ogos 2019 – bersama Parti Sosialis Malaysia (PSM), Sabah Law Society, Advocates Association of Sarawak, Women's Aid Organisation (WAO), Amnesty International Malaysia, Center to Combat Corruption and Cronynism Malaysia (C4 Center), Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Ahli Dewan Negara iaitu YB Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff;
- iii) 5 September 2019 – sesi konsultasi khas (tertutup) bersama barisan kepimpinan tertinggi PDRM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Polis Negara iaitu Dato' Pahlawan Mazlan bin Mansor; dan
- iv) 19 September 2019 – townhall bersama kesemua NGO, agensi-agensi yang terlibat dalam sesi libat urus sebelum ini.
- v) 20 September 2019 – sesi konsultasi khas bersama PDRM di Maktab PDRM Cheras.

Secara ringkasnya kesemua libat urus yang telah diadakan mencadangkan beberapa syor penambahbaikan yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan dalam memperkemas RUU IPCCM. Oleh itu, RUU IPCCM telah dibacakan pada bacaan kali kedua pada 7 Oktober 2019 di Mesyuarat Ketiga Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua dan suatu usul telah dibuat bagi merujuk RUU ini kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang bagi meneliti RUU tersebut serta membentangkan suatu penyata cadangan penambahbaikan RUU tersebut sebelum 18 November 2019.

SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA BEBAS
ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019

Bilik Seri Sarawak, Bangunan Lama Dewan Undangan Negeri (DUN), Petra Jaya, Kuching, Sarawak	Bilik Gerakan, Aras 4 Bangunan Paraakuluan Pulau Pinang Jalan Anson, Pulau Pinang	Bilik Gerakan Dewan Negeri Bangunan Sultan Ismail Kota Iskandar, Iskandar Puteri Johor Darul Takzim	Bilik Kedah, Aras 2, Blok A Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah
26 OKTOBER 2019 (SABTU)	2 NOVEMBER 2019 (SABTU)	8 NOVEMBER 2019 (JUMMANT)	10 NOVEMBER 2019 (AHAD)

Bagi menyediakan penyata cadangan penambahbaikan tersebut, Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang telah mendengar dan mengumpul pandangan-pandangan mengenai RUU IPCMC daripada pelbagai pihak melalui sesi pendengaran awam/mesyuarat seperti berikut:

- i) 15.11.2019 –Mesyuarat bersama Jabatan Peguam Negara dan ahli akademik dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA).
- ii) 23.11.2019 –Mesyuarat bersama PDRM yang dihadiri oleh.
- iii) 26.11.2019 –Sesi Pendengaran Awam bersama PDRM dari Negeri Sarawak;
- iv) 2.11.2019 -Sesi Pendengaran Awam bersama PDRM dari Negeri Penang;
- v) 8.11.2019 -Sesi Pendengaran Awam bersama PDRM dari Negeri Johor;
- vi) 10.11.2019 -Sesi Pendengaran Awam bersama PDRM dari Negeri Sabah; dan
- vii) 16.11.2019 -Sesi Pendengaran Awam bersama PDRM dari Negeri Terengganu.

RUU IPCMC dijangka akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat pada 25 November 2019, Mesyuarat Ketiga Parlimen Keempat Belas Penggal Kedua



SESI LIBAT URUS & SESSI PENDENGARAN AWAM RUU IPCMC



RANG UNDANG-UNDANG SUMBANGAN POLITIK

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Bilangan 2/2018 pada 9 Julai 2018 telah bersetuju dengan cadangan penggubalan suatu undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik bagi mengawal selia sumbangan politik dalam apa-apa jua bentuk yang disumbangkan kepada parti politik.

Susulan daripada itu, beberapa sesi libat urus telah diadakan dengan ahli parti politik bagi mendapatkan pandangan berkenaan dengan penggubalan rang undang-undang sumbangan politik. Antara sesi libat yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- i) Mesyuarat bersama Setiausaha Agung parti politik Pakatan Harapan;
- ii) Mesyuarat bersama YAB Perdana Menteri pada 1 April 2019; dan
- iii) Mesyuarat bersama Presiden parti-parti politik Pakatan Harapan.

Pada masa yang sama, BUU juga telah mengadakan bengkel pemurnian draf RUU Sumbangan Politik pada 20 hingga 25 Ogos 2019 bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), PDRM, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Parlimen Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pendaftaran

Pertubuhan Malaysia (JPPM) bagi tujuan membincangkan draf RUU tersebut.

Selanjutnya, memandangkan bahawa RUU tersebut membabitkan isu sumbangan politik yang menyentuh pelbagai pihak terutama parti politik dan Ahli Parlimen maka Kerajaan berpendapat adalah wajar untuk RUU tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-Undang Dewan Rakyat ("PSC") bagi meneliti RUU tersebut dan memberi apa-apa cadangan penambahbaikan terhadap RUU sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada tahun 2020.

Dalam hal itu, BUU GIACC juga telah mengadakan suatu Bengkel Pemurnian Rang Undang-Undang Sumbangan Politik pada 25- 28 November 2019 bersama ahli politik dan beberapa agensi Kerajaan bagi mendengar pandangan atau cadangan berkaitan RUU dan menambahbaik RUU tersebut sebelum RUU tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang

TAKLIMAT KEPADA YAB PM BERHUBUNG RUU SUMBANGAN POLITIK



RANG UNDANG-UNDANG OMBUDSMAN

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 4 Bilangan Tahun 2018 pada 21 September 2018 telah bersetuju untuk menubuhkan sistem Ombudsman dalam Perkhidmatan Awam dengan menggubal Akta Ombudsman Malaysia berhubung pengurusan aduan awam. Penubuhan Ombudsman Malaysia akan menggantikan Biro Pengaduan Awam (BPA).

Susulan itu, BPA bersama BUU GIACC telah meneliti beberapa model Ombudsman dari negara luar seperti United Kingdom, Singapura, Australia, Hong Kong, Thailand dan New Zealand bagi menggubal suatu draf rang undang-undang Ombudsman (“RUU Ombudsman”).

Seterusnya, beberapa siri bengkel telah diadakan bagi membincangkan draf RUU Ombudsman sebelum disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Butiran Bengkel RUU Ombudsman adalah seperti berikut;

Tarikh	Agensi	Perkara
26 – 28 Ogos 2019	Biro Pengaduan Awam Jabatan Perdana Menteri	Bengkel Penyediaan Draft Rang Undang-Undang Ombudsman Malaysia Bil. 3/2019
26 – 27 September 2019	Biro Pengaduan Awam Jabatan Perdana Menteri	Perbincangan berkaitan draf RUU Ombudsman

RUU ini dijangka akan dibentangkan untuk bacaan kali pertama, kedua dan ketiga di Dewan Rakyat pada tahun 2020.

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL 2019 (NAFCC)

RUU NAFCC merupakan salah satu daripada agenda Kerajaan untuk meningkatkan hasil negara dan mengekang ketirisan dalam pengurusan dana awam melalui pelaksanaan operasi bersepadu.

RUU ini telah dibacakan kali yang pertama di Dewan Rakyat pada 8 Oktober 2019 dan diluluskan pada 10 Oktober 2019.

BAHAGIAN KOMUNIKASI & MEDIA

PROMOSI DAN PUBLISITI

Sepanjang tahun 2019, aktiviti promosi dan publisiti berkaitan governans, integriti dan antirasuah giat dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) selaku Ketua Agensi Peneraju bersama Bahagian Komunikasi Media GIACC dengan dibantu oleh agensi-agensi strategik yang lain . Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah:

- Percetakan poster, buku kecil, brosur dan cakera padat bagi edaran kepada umum.

1.	Poster Rasuah Dihina, Maruah Dibina	Tarikh Terbitan : 8 Mac 2019
2.	Poster What is corruption?	Tarikh Terbitan : 28 Februari 2019
3.	Poster Rantaian Rasuah	Tarikh Terbitan : 11 Jun 2019
4.	Buku kecil Bersama Memerangi Rasuah	Tarikh Terbitan : 25 Mei 2019
5.	Brosur MALAYSIA BERSIH	Tarikh Terbitan : 20 Julai 2019
6.	Salinan CD MALAYSIA BERSIH	Tarikh Terbitan : 20 Julai 2019



SLOT TEMUBUAL TV & RADIO

RTM / BERNAMA / TV ALHIJRAH / TV3 & ASTRO

Berita, laporan khas dan temubual berkaitan governans, integriti dan antirasuah di televisyen dan online.

FEBRUARI



SIGNIFIKAN PELAKSANAAN PELAN ANTI-RASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

APRIL



KEPENTINGAN INTEGRITI GOVERNANS DAN KEPERLUAN MEMERANGI RASUAH DI MALAYSIA



MALAYSIA BERSIH RASUAH



KEBERSAMAAN MASYARAKAT DALAM MEMERANGI RASUAH DI MALAYSIA

MEI



HADIAH : REZEKI @ RASUAH

JUN



DUIT KOPI MANIS @ PAHIT?



KERJASAMA NGO BELIA DALAM MENJAYAKAN NACP

JULAI



TUMBUK RUSUK : SAKITNYA DI MANA?

OGOS



RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA
 BEBAS ADUAN SALAHLAKU
 POLIS (IPCMC)

VIDEO PSA & HEBAHAN

- Tayangan Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) dan hebahan melalui stesen televisyen dan radio sepanjang 2019 keseluruhan berjumlah 27,894 kali



VIDEO PSA - HENTIKAN RASUAH



VIDEO PSA - RUNTUH INSTITUSI KELUARGA KERANA RASUAH



SEKIRANYA HADIAH DIBERIKAN ATAS SEBAB TUGAS RASMI
MELIBATKAN JAWATAN ATAU KEDUDUKAN YANG DIPEGANG
HADIAH ITU IALAH RASUAH

VIDEO PSA - BILA HADIAH MENJADI RASUAH

KALENDAR AKTIVITI 2019



PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH NASIONAL 2019-2023 (NACP)





MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH





SESI LIBAT URUS RANG UNDANG-UNDANG IPCMC





BENGGKEL TOT RESOURCE PERSON



LAGU MALAYSIA BERSIH

Harapan semua
Moga kita Berjaya
Bagai negara
Yang kekal merdeka

Amanah bangsa
Kita pikul Bersama
Jadikan Malaysia Bahagia

Asal budaya kita
Budi pekerti indah
Amanah jujur
Amalan kita

Kini masanya
Sudah tiba
Untuk bina semula
Negara tercinta

Kita bina negara
Perangi rasuah
Kita satukan hati
Demi ibu pertiwi

Keutuhan jiwa
Membina nurani
Moga kita terus disanjung

Harapan semua
Moga kita berjaya
Sebagai negara
yang kekal merdeka

Kini masanya
Sudah tiba
Untuk bina semula
Negara tercinta

Malaysia bersih Harapan kita
Malaysia bersih Harapan kita

Lagu : Muhammad Yuri Mohamed Edris

Lirik : Datuk Dr Anisa Yusal Yusoff

LAPORAN TAHUNAN | 2019



PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL
JABATAN PERDANA MENTERI,
ARAS 3, BLOK BARAT, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62520 PUTRAJAYA

+603-88727140 +603-88905440 ✉ giacc@jpm.gov.my